

Citra Budaya

JKKN
JABATAN KEBUDAYAAN
& KESENIAN NEGARA
جباتن كبودايان دان كسنيان نكارا

NASKHAH
PERCUMA

ISSN 2462 - 1285 TAHUN KE-8 SIRI 2 (MEI - OGOS) 2016

**SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN | IFTAR |
PANGGUNG SENI TRADISIONAL | DIKIR BARAT PERDANA**





Mohd Zin Bin Mohd Sahid
Editor

Tinta Editor

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. dengan limpah kurnianya dapat jua kita bertemu kembali di Citra Budaya Siri ke-2/2016.

Tidak mengira bangsa dan wilayah, sejarah memperlihatkan penghijrahan yang berlaku mengikut peredaran zaman; membawa seni dan budaya masyarakat untuk disebar, diamal dan diperkembangkan tanpa halangan dan sempadan. Tidak pernah sekali wujudnya istilah sempadan

dalam mengamalkan seni dan budaya, kerana ia adalah milik kita bersama. Milik setiap masyarakat yang mempunyai identiti seni dan budayanya yang tersendiri berdasarkan amalan dan tatacara hidup masing-masing.

Seni dan budaya adalah dua entiti yang sangat sinonim dengan masyarakat pelbagai bangsa, keturunan, nilai budaya dan agama di negara kita. Berbeza seni dan budaya, bukan satu halangan dalam komunikasi dan perhubungan sesama kita, tetapi ia dijadikan sebagai alat penyatuan dan pengukuhan bangsa serumpun tanpa menjadikannya sebagai benih permusuhan sesama kita.

Sidang Editorial | Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negara

YBhg. Tan Sri Norliza Roffi

Ketua Pengarah

YBrs. Mohamed Razy Mohd Nor

Timbalan Ketua Pengarah

(Sektor Dasar & Perancangan)

YBrs. Tn. Hj. Mesran Mohd Yusop

Timbalan Pengarah

(Sektor Kebudayaan & Kesenian)

Editorial : Mohd Zin Mohd Sahid

Penolong Editorial: Zuriah Mohamad

Sidang Editorial : **Penulis**

: Mohd Zin Mohd Sahid

: Zuriah Mohamad

: Muhammad Haqkam Hari

: Ismarizal Zulamran

: Muhammad Faizal Ruslee

: Siti Anisah Abdul Rahman

: Fauziah Ahmad

Pereka Grafik / Kreatif

: Bafti Hera Abu Bakar

Jurufoto

: Zaman Sulieman

: Muhammad Amin Alias

Sidang Redaksi

: Unit Komunikasi Korporat

: Bahagian Khidmat Pengurusan

: Cawangan Pentadbiran

: Cawangan Sumber Manusia

: Cawangan Kewangan

: Bahagian Pengembangan Seni Budaya

: Bahagian Pembangunan Produksi

dan Artistik (acara)

: Bahagian Pengukuhan Seni Budaya

: Bahagian Dasar dan Penyelidikan

: Cawangan Perancangan dan Penyelidikan Dasar

: Cawangan Penyelidikan dan Pembangunan

: Bahagian Pembangunan Produk Seni Budaya

(Industri Kreatif)

: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

Penyelaras

: Muhammad Haqkam hari

Pengedaran

: Muhammad Faizal Ruslee

Buletin

: Badrul Hisham Mujib

: Ridhwan Azme

CITRA BUDAYA JKKN merupakan penerbitan yang berperanan dalam menyampaikan wadah dan matlamat dalam usaha merealisasikan penyemaran dan pemeliharaan seni budaya. Ia diterbitkan tiga (3) kali setahun. Sidang editorial CITRA BUDAYA JKKN sangat mengalu-alukan sumbangan anda dalam sebarang bentuk karya seperti artikel, rencana, pantun, puisi, cerpen, dan sebagainya. Sila hantar sumbangan anda kepada :

Cawangan Dokumentasi dan Penerbitan | Aras 30, Menara TH Perdana, Lot 1001, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur
email: penerbitan@jkkn.gov.my

Tinta Ketua Pengarah

Assalamualaikum dan Salam Sehati Sejiwa,

Alhamdulillah dan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita bersua kembali dalam Citra Budaya edisi kedua tahun ini. Ucapan syabas kepada sidang editorial 'Citra Budaya' dalam menerbitkan Citra Budaya edisi kali ini. Tidak lupa juga, ribuan terima kasih kepada semua pihak yang berterusan menyokong usaha JKKN dalam menyemarakkan seni budaya negara.

Seni dan budaya adalah lambang kehidupan sesebuah masyarakat yang bertamadun dan merangkumi keseluruhan kehidupan mereka. Seiring dengan era globalisasi, seni dan budaya tempatan telah mengalami pelbagai perbaharuan dan perubahan dalam usaha memartabatkan seni budaya di pentas dunia.

Seni dan budaya memerlukan perubahan dan pembaharuan untuk berkembang namun ia harus dilaksanakan dengan berhemah agar ciri-ciri tempatannya

dikekalkan. Oleh itu, janganlah kita terlampau terikut-ikut dengan budaya luar untuk menyemarakkan seni dan budaya tempatan.

Seawal tahun 2016 sehingga hari ini, aktiviti-aktiviti JKKN terus bergemerlapan di serata tanah air di atas sokongan anda semua. Oleh itu, kami di JKKN komited menganjurkan program-program untuk menyemarakkan seni dan budaya di samping menerapkan nilai-nilai murni dalam diri masyarakat. Program Iftar@KL sepanjang bulan Ramadhan adalah contoh terbaik program yang mengajak masyarakat mengimarahkan bulan Ramadhan dengan amalan kebajikan disamping mengangkat Kuala Lumpur sebagai satu pusat seni dan budaya diperingkat global.

Tan Sri Norliza Roffi

Ketua Pengarah

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

{Kandungan}

Tinta Editor.....	2
Tinta Ketua Pengarah.....	3
Kandungan.....	4

• SUDUT BERITA

Ihya Ramadan Ahlan Wasahlan Iftar@Kl 2016	5
PMS: Permainan Tradisional	
'Pertandingan Gasing Remaja Negeri Melaka 2016'.....	8
PMS Jom Bina Wakaf Serlahkan Semangat Gotong-Royong.....	16
Boneka Rod Besi Tradisional Teochew Menyerlah Di Dalam PMS Semarak Budaya.....	17
Dikir Barat Perdana 2016: Pertandingan Dikir Barat 'Maghi Kita Tewah Bedikir'	22

• SUDUT INFO

Ironi Dibulan Keberkatan.....	9
Sinopsis Buku 100 Pesanan Terakhir Rasulullah	18
Seni Gayung Fatani Malaysia.....	27
Tokoh Awang Batil.....	28
Keropok Losong Terengganu.....	30
Pengenalan Tarian Inang	32
Nasi Dagang Terengganu.....	39

• SUDUT BAHASA

Kosa Kata (Kesusasteraan Dan Kebudayaan).....	26
Sudut Bahasa.....	35

• SUDUT MANTAN

Sermaini Binti Pien.....	31
--------------------------	----

• SUDUT KREATIF

Sudut Kreatif: Puisi; Selamat Bersara, Cikgu!.....	38
--	----

Acara Perbarisan & Perarakan Hari Kebangsaan 2016	7
6Th International Arts Festival Winter Stars Of Dresden.....	11
"Kecil Tapak Tangan, Nyiru Kami Tadahkan"	13
Panggung Seni Tradisional 2016	14
Mencari Keamanan	19
Laksa Pahang	20
Hati Anak.....	21
Karya Sastera Melalui Filem Adaptasi	24
Oh My English	25
Senarai Bahan Terbitan (Jualan) Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negara	40
Lensa JKKK.....	42

IHYA RAMADAN AHLAN WASAHLAN IFTAR@KL 2016

Oleh: **Amirulazam Ibrahim**
JKKN Ibu Pejabat



Sempena bulan Ramadan 1437H, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah melaksanakan program Iftar@KL 2016 pada 11, 12, 18, 19, 25 dan 26 Jun 2016 yang merupakan pelaksanaan tahun kedua (2) bagi program Iftar@KL dan tahun kelima (5) keseluruhannya iaitu kesinambungan daripada program Festival Ramadan. Iftar@KL bertujuan mengimarahkan dan memakmurkan ramadan sebagai bulan ibadah, keprihatinan sesama insan, mengeratkan silaturrahim pelbagai kaum melalui pengisian aktiviti serta menyemarakkan kebudayaan dan kesenian islam kepada pelancong tempatan dan antarabangsa. Majlis perasmian program Iftar@KL 2016 telah disempurnakan pada 11 Jun 2016 oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ong Hong Peng, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan bersama-sama wakil Datuk

Bandar Kuala Lumpur iaitu YBhg. Dato Haji Mohd Najib Bin Haji Mohd.

Iftar@KL 2016 merupakan program kerjasama dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bersama rakan penganjur Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Tourism Malaysia, Islamic Tourism Centre,





Majlis

Agama Islam

Wilayah Persekutuan (MAIWP), Masjid Jamek Kampung Bharu, Dataran Underground, Rabbani Productions Sdn. Bhd., Munsyid Malaysia dan Voluntourism di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Program ini telah mendapat penajaan daripada syarikat Yeo's, F&N, Julie's, Takaful Ikhlas dan Sherif Tea.

Berkonsepkan majlis berbuka puasa berskala besar yang diadakan pada setiap hujung minggu (Sabtu dan Ahad) berhadapan bangunan Sultan Abdul Samad, Jalan Raja, Kuala Lumpur. Selain daripada majlis berbuka puasa (Iftar) di atas jalan raya, pelbagai aktiviti turut dilaksanakan seperti aktiviti memasak bubur lambuk Masjid Jamek Kampung Bharu, solat berjemaah (maghrib, isyak dan terawih), tadarus Al-Quran oleh Maahad Tahfiz, tazkirah ramadan, sukarelawan, klinik tahsin Al-Quran, kapsul ramadan, kaunter zakat bergerak, jualan makanan

Food Truck dan

pertandingan nasyyid Mentor Munsyid yang menampilkan enam (6) orang Mentor iaitu Razin Mestica, Azadan Rabbani, Munif Hijjaz, Suffian Saujana, Hazamin Inteam dan Hafiz Hamidun. Malam perdana program ini adalah solat terawih perdana yang telah diimamkan oleh Sheikh Mohd Idris Al-Masyrafi iaitu Imam Mekah daripada Masjid Jamek Kampung Bharu.

Pengisian acara selepas berakhirnya solat terawih adalah bicara ramadan pada hari Sabtu yang menampilkan barisan penceramah iaitu YBhg. Dato' Dr. Haji Mohd Fadzilah Kamsah, Sheikh Mohamed Abdul Aziz Mahmoud Ghonim daripada Mesir dan Ustaz Haslin

Baharim. Manakala pada hari Ahad pula konsert ramadan iaitu persembahan nasyyid yang diselangi bicara ramadan yang menampilkan Ustazah Isfariah Dasuki dan Kumpulan Rabbani, Ustaz Muhammad Asyraf (Imam Muda) dan Kumpulan Hijjaz, Ustaz Haryanto Rizal Rokman dan Kumpulan Raihan sambil menikmati jamuan moreh.





31 Ogos tiba lagi dan pelbagai acara bersifat patriotik dilaksanakan. Sekilas pandang acara Perbarisan dan Perarakan Hari Kebangsaan yang secara langsung melibatkan warga kerja JKKN dalam menjayakan hari yang penuh bersejarah untuk negara. Sehati Sejiwa membuktikan semangat kasih kan negara dan semangat juang yang tinggi dari seluruh warganya. Seawal jam 5.00 pagi petugas dan peserta telah bersedia untuk memberikan yang terbaik dalam melakar satu lagi sejarah sambutan hari kebangsaan.

Acara Perbarisan & Perarakan Hari Kebangsaan 2016

Saifulkhairi Hj. Ahmad
JKKN Ibu Pejabat



PMS: PERMAINAN TRADISIONAL 'PERTANDINGAN GASING REMAJA NEGERI MELAKA 2016'

Oleh:

Nor'aini Harun | JKKN Melaka

30 April 2016, bertempat di Gelanggang Gasing Delima Pengkalan Renggam, Kg. Kandang, Melaka, telah berlangsungnya program PMS Permainan Tradisional 'Gasing Pangkah' anjuran Persatuan Gasing Negeri Melaka (PERGAM) dengan kerjasama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, (JKKN) Melaka.

Enam pasukan Gasing Remaja dari daerah Jasin, Alor Gajah dan Melaka Tengah dengan penyertaan di kalangan remaja berusia 18 tahun ke bawah.

Penganjuran program adalah bertujuan untuk menyemarakkan aktiviti permainan tradisional serta memberi ruang untuk menetengahkan bakat dan kemahiran khususnya kepada golongan remaja menerusi program seumpama ini.

Penyampaian hadiah telah disampaikan oleh YB Datuk Wira Hj. Md. Yunos Bin Husin, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Ayer Molek, merangkap Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi Melaka. Turut hadir sama Tuan Haji Ismail bin Salleh, Pengerusi PERGAM dan Encik Zulkarnain bin Ramly, Pengarah JKKN, Melaka.

Pertandingan Gasing Remaja Negeri Melaka 2016 telah dimenangi oleh Kumpulan Gasing Remaja Lipat Kajang, Kg. Kandang, Melaka.



IRONI DI BULAN KEBERKATAN

Oleh: Hesmell Faznee Faisal | JKKN Ibu Pejabat

Semasa artikel ini ditulis, umat Islam di Malaysia telah mula berpuasa untuk hari yang kelima. Berbagai acara telah diadakan bersempena dengan sambutan bulan Ramadhan yang penuh keberkatan ini. Ramadhan menjadi lebih bererti dan bertambah berkat apabila di bulan ini juga, ayat-ayat kitab suci Al-Quran mula diturunkan, di samping perintah Allah kepada hamba-Nya untuk melaksanakan ibadah berpuasa pada bulan yang sama, seperti firman Allah dalam surah Al-Baqarah, ayat 185 yang berbunyi;

فَعِدَّةٌ سَعَىٰ عَلَىٰ أَوْ مَرِيضًا كَانَ وَمَنْ فَلْيَصُمْهُ الشَّهْرَ مِنْكُمْ شَهِدَ فَمَنْ وَالْفُرْقَانِ الْهُدَىٰ مِنَ وَبَيِّنَاتٍ لِلنَّاسِ هُدًى الْقُرْآنُ فِيهِ أَنْزَلَ الَّذِي رَمَضَانَ شَهْرُ تَشْكُرُونَ وَلَعَلَّكُمْ هَذَا كَمَا مَا عَلَى اللَّهِ وَلِتُكَبِّرُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكْمِلُوا الْعُسْرَ بِكُمْ يُرِيدُ وَلَا الْيُسْرَ بِكُمْ اللَّهُ يُرِيدُ آخِرَ أَيَّامٍ مِنْ

(Beberapa hari yang ditentukan itu ialah) bulan Ramadhan, bulan yang di dalamnya diturunkan (permulaan) Al Qur'an sebagai petunjuk bagi manusia dan penjelasan-penjelasan mengenai petunjuk itu dan pembeda (antara yang hak dan yang batil). Karena itu, barang siapa di antara kamu hadir (di negeri tempat tinggalnya) di bulan itu, maka hendaklah ia berpuasa pada bulan itu, dan barang siapa sakit atau dalam perjalanan (lalu ia berbuka), maka (wajiblah baginya berpuasa), sebanyak hari yang ditinggalkannya itu, pada hari-hari yang lain. Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan tidak menghendaki kesukaran bagimu. Dan hendaklah kamu mencukupkan bilangannya dan hendaklah kamu mengagungkan Allah atas petunjuk-Nya yang diberikan kepadamu, supaya kamu bersyukur.

Seungguhnya, pada bulan Ramadhan ini juga umat Islam digalakkan untuk memperbanyakkan lagi amalan-amalan soleh, tidak kira dalam bentuk fardhu ain atau kifayah kerana apa yang penting ialah melakukan kebaikan. Namun demikian apa yang berlaku sepanjang tempoh sebulan ini juga, sama ada kita menyedarinya ataupun tidak ialah perkara ironi yang sering berlaku semasa bulan ini.

Ibadah berpuasa mendidik kita untuk lebih bersederhana, dalam erti kata melakukan segalanya secara berhemah dan tidak melakukan pembaziran. Berhemah di sini merangkumi aspek semasa berbuka puasa. Kita tidak seharusnya menganggap bulan puasa itu sebagai bulan untuk berpesta dengan makanan dan berlaku mewah dengan membeli pelbagai jenis makanan sebagai juadah berbuka.

Apakah kita tidak boleh berkorban dan menahan diri selama tempoh sebulan dari membeli juadah-juadah yang sememangnya ada disediakan di bulan lain selain Ramadhan? Menerusi pemerhatian umum, terlalu banyak tapak-tapak jualan makanan Ramadhan yang dibuka di kawasan-kawasan kediaman yang bukan sahaja dianggap tidak perlu malah turut menyumbang kepada pembaziran.

Berdasarkan suatu laporan, sebanyak 2,000 tan metrik sisa makanan telah dibuang dan ini menambahkan kepada jumlah 5,000 tan metrik sisa buangan sedia ada. Penganjuran bufet di hotel-hotel dari berstatus 5 bintang hinggalah ke 3 bintang juga turut menyumbang kepada jumlah pembaziran sedia ada.

Sepatutnya, di bulan Ramadhan yang penuh berkat inilah kita mendidik diri selama sebulan untuk makan sekadar yang perlu dan mengelakkan dari makan berlebihan. Secara saintifiknya juga memberikan peluang kepada sistem tubuh kita untuk 'berehat' dari pencernaan bahan buangan selepas hampir 11 bulan 'berkerja keras' untuk menghadam segala makanan yang dimakan kita.

¹ Kenyataan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Alam Flora Sdn. Bhd. (Alam Flora), Datuk Mohd. Zain Hassan. Rujuk berita penuh

Di samping itu, sepanjang tempoh bulan Ramadhan ini jugalah masyarakat kita secara automatisnya bertukar menjadi masyarakat Arab, bermula dari perkataan 'berbuka puasa' menjadi iftar selain hiasan-hiasan yang bermotifkan Arab menghiasi di gedung membeli belah di sekitar ibu kota.

Di sebalik kegusaran inilah, Ke Bawah DYMM Sultan Ibrahim Almarhum Sultan Iskandar telah bertitah bahawa umat Melayu Islam khususnya, tidak seharusnya cuba untuk mengikut gaya orang Arab. Baginda juga menambah bahawa masyarakat Melayu harus berbangga dengan budaya mereka sendiri. Di samping itu, mereka harus mengekalkan identiti diri sendiri dan terus mengekalkan penggunaan istilah bahasa Melayu seperti 'Hari Raya' dan 'buka puasa' berbanding istilah Arab walaupun mempunyai maksud sama, seperti 'Eid al-Fitr' dan 'iftar'.

Barangkali ramai yang menganggap bahawa dengan mengikuti gaya hidup dan sebutan Arab, maka mereka akan kelihatan lebih Islamik dan lebih dekat dengan ajaran Islam. Hakikatnya, iman seseorang itu bukanlah ditentukan melalui kaum, sebaliknya sedalam mana dia mengenali diri sendiri dan Al-Quran itu sendiri.

Allah telah menerangkan sebanyak 8 kali di dalam Al-Quran menerusi Surah Yusuf ayat 2, Surah Ar-Ra'd ayat 37, Surah Taha ayat 113, Surah Az-Zumar ayat 28, Surah Fussilat ayat 3, Surah Ash-Shuraa ayat 7, Surah Az-Zukhruf ayat 3 dan Surah Al-Ahqaf ayat 12, mengenai perihal mengapakah Al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab. Secara dasarnya Allah telah menyatakan dalam ayat-ayat tersebut bahawa Al-Quran telah diturunkan dalam bahasa Arab adalah bagi memudahkan mereka (orang Arab) memahaminya, seterusnya mengamalkan setiap ajaran mahupun petunjuk-petunjuk yang diberikan kepada mereka oleh Allah.

Ironisnya, (orang Arab) masih gagal dan tidak mengikuti apa yang diajarkan mereka oleh Allah, biarpun bahasa yang diturunkan Al-Quran itu adalah dalam bahasa Arab. Maka tidaklah menjadi suatu kehairanan apabila Allah

turut menurunkan suatu peringatan yang menimbulkan kegerunan mengenai kealpaan dalam memahami Al-Quran, menerusi Surah Al-Furqan, ayat 30 yang berbunyi;

أَمْ هَجُورُ الْقُرْآنِ هَذَا اتَّخَذُوا قَوْمِي إِنَّ رَبِّيَ الرَّسُولُ وَقَالَ

Dan berkatalah Rasul: Wahai Tuhanku sesungguhnya kaumku telah menjadikan Al-Quran ini satu perlembagaan yang ditinggalkan, tidak dipakai.

Kegagalan umat Islam, khususnya bangsa Arab di Timur Tengah dapat dilihat menerusi kekacauan dan peperangan yang berterusan sesama mereka, hakikatnya peperangan tersebut tercetus akibat daripada salah faham dalam isu-isu geopolitik dan bukannya melibatkan unsur agama semata.

Sebagai contoh, peperangan dan konflik yang tercetus di Syria bukanlah kerana unsur agama, sebaliknya perbalahan perebutan kuasa di sana antara puak pemberontak kerajaan sedia ada dengan pihak pemerintah. Perbalahan tersebut merupakan suatu contoh konflik geopolitik yang mana rakyat Malaysia tidak seharusnya mengambil bahagian secara aktif, dengan kononnya pergi ke sana atas dasar ingin berjuang dan syahid di medan perang.

Begitu juga konflik yang berlanjutan di Palestin itu, yang melibatkan masyarakat Palestin (sebagai penduduk asal) dan Yahudi (pendatang haram yang mendirikan negara Israel secara haram), bukanlah atas faktor agama, sebaliknya faktor geopolitik. Tidak hairanlah jika masyarakat Palestin itu sendiri, dalam menentang musuh yang satu iaitu Yahudi berhaluan Zionis mempunyai dua kelompok politik berbeza. Di satu pihak terdiri daripada parti Hamas dan Fatah.

Aspek syahid itu harus diterjemahkan di tanah air kita sendiri kerana ramai lagi golongan yang memerlukan bantuan, baik dari segi wang ringgit mahupun tenaga kudrat. Maka di bulan Ramadhan yang mulia inilah juga kita dapat lihat begitu banyak tabung-tabung derma yang diwujudkan atas dasar membantu saudara seagama di Syria dan Palestin. Walhal,

masih ramai lagi saudara segama kita di tanah air sendiri yang lebih memerlukan bantuan. Senario inilah sememangnya bertepatan dengan istilah peribahasa Melayu lama;

“Gajah di pelupuk mata tidak terlihat, semut di seberang lautan nampak jelas.”

Kesimpulannya, masyarakat kita harus berbangga dengan jati diri kita sendiri. Kelembutan dan ketertiban masyarakat Melayu, yang menjadi tunjang kepada bangsa Malaysia telah diketahui umum sebagai tiada tolok tandingnya. Perkara dapat dilihat apabila ketertiban warganegara Malaysia sering dipuji ketika melakukan ibadah haji atau umrah di Mekah dan Madinah.

Hal ini dinyatakan oleh Duta Besar Malaysia ke Arab Saudi, Datuk Prof Syed Omar Syed Al-Saggaf yang dilaporkan berkata Arab Saudi sentiasa meminta negara lain mencontohi Malaysia dalam soal ibadah haji, sama ada daripada segi disiplin jemaah mahupun pengurusan jemaah. Beliau turut menambah bahawa Kerajaan Arab Saudi melihat Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang termaju teknologinya, dan keamanan yang dinikmati Malaysia amat dihormati mereka.

Persoalannya sekarang ialah, apakah masih ingin terus meniru dan mengamalkan gaya masyarakat Arab, sedangkan ironisnya mereka (orang Arab) memandang tinggi umat Islam di Malaysia? Inilah dilema yang dihadapi oleh segelintir masyarakat kita yang turut menghalang daripada kita memahami antara budaya dan kebudayaan yang perlu diserap dan dihayati dalam kehidupan seharian.

Temyatalah ironi ini tidak terhenti setakat ini sahaja, malahan ianya akan berterusan apabila kita menyambut bulan Syawal yang akan kunjung tiba selepas Ramadhan berlalu tanpa memberi sebarang kesan keinsafan yang kekal buat kita semua.



6th INTERNATIONAL ARTS FESTIVAL WINTER STARS OF DRESDEN

Noor Seela Noor Sulaiman | JKKN Ibu Pejabat

Di Dresden, Jerman Medan Menguji Bakat Anak-Anak Permata Seni
Tari Dan Permata Seni Remaja Tari Di Peringkat Antarabangsa



5 Januari 2016 bertempat di Societaetstheater, Dresden, Jerman, PERMATA Seni Tari (PST) dan Permata Seni Remaja Tari (PSRT) telah menyertai pertandingan '6th International Arts Festival Winter Stars of Dresden, Germany 2016'. Kontinjen Malaysia telah diketuai oleh YBhg Tan Sri Norliza Rofli, Ketua Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) selaku Pengarah Program PERMATA Seni bersama 20 orang anak-anak PERMATA Seni dan PERMATA Seni Remaja, Encik Mohd Akmal bin Noh (koreografer), Puan Yang Mardhiah binti Tabari (Jurulatih Tari), Encik Mohd Fairuz Tauhid (Jurulatih Tari), Encik Zulkefli bin Abu Kahar (Jurulatih Tari) serta Encik Mohd Amran bin Mohd Haris (pegawai JKKN) dan Puan Noor Seela binti Noor Sulaiman (pegawai JKKN).

Pertandingan yang bertemakan 'THE FESTIVAL BRIDGES' (Festival yang menyatukan), dianjurkan oleh The International Charitable Foundation yang merupakan salah satu festival di bawah The European Association of Folklore Festival

(EAFF) - naungan UNESCO. Konsep penganjuran The International Arts Festival Winter Stars of Dresden berbentuk pertandingan. Dresden adalah sebuah ibu kota daerah Saxony, Jerman, dan dikenali sejak 500 tahun dahulu sebagai kota seni dan budaya Jerman.

Penganjuran 'The International Arts Festival Winter Stars Of Dresden' kali ke-6 pada tahun ini telah disertai oleh 9 buah negara iaitu Armenia, Bulgaria, Belarus, Iran, India, Malaysia, Lithuania, Rusia dan juga Jerman. Sebanyak 60 penyertaan daripada 9 buah negara tersebut telah diterima oleh pihak penganjur yang melibatkan peserta-peserta kategori muzik, tarian, nyanyian dan persembahan akrobatik. Kesemua acara yang dipertandingkan dan diadakan adalah seperti berikut: Kontinjen Malaysia telah terlibat dalam 2 kategori umur yang disertai oleh PERMATA Seni dan PERMATA



Berdiri dari kiri Adik Habibah binti Abu Bakar, Adik Mohamad Ashraf bin Mohd Nawawi Adik Nor Jemima binti Marzuwanto, Adik Arief Bryan Carlos, Adik Chew Jun Jie dan Adik Nik Nur Amalin binti Nik Masaaddin bersama sijil, pingat dan piala kemenangan masing-masing.

Seni Remaja Tari yang melibatkan 6 penyertaan seperti jadual di bawah:-

KATEGORI UMUR	KATEGORI PENYERTAAN		
Children (9-12 Tahun)	Solo	Duet	Berkumpulan
Juniors 1 (13-15 Tahun)	Solo	Duet	Berkumpulan

NO.	KATEGORI	PERINGKAT UMUR
1.	Mini Kids	6 hingga 8 tahun
2.	Children	9 hingga 12 tahun
3.	Juniors 1	13 hingga 15 tahun
4.	Juniors 2	16 hingga 18 tahun
5.	Adults 1	19 hingga 25 tahun
6.	Adults 2	26 hingga 49 tahun
7.	Seniors	50 tahun ke atas



Kumpulan PERMATA Seni Tari dan PERMATA Seni Remaja Tari masing-masing memenangi Diploma of Laureate of the First Grade bagi kategori Berkumpulan Children (9-12 tahun dan Berkumpulan Juniors (13-15 tahun)

KATEGORI PENYERTAAN	KATEGORI UMUR	
	Children (9-12 tahun)	Juniors 1 (13-15 tahun)
Solo	Tradisional & Tarian Rakyat Malaysia • Meera Tandori • Tarinai • Liuk Kerincing	Tradisional dan Tarian Rakyat Malaysia • Jog-it Tarian Moden • Boy in the Band
Duet	Tradisional & Tarian Rakyat Malaysia • Ulit Berinai • Joget Samrah	Tradisional & Tarian Rakyat Malaysia • Senang Tari • Salutari
Berkumpulan	Tradisional & Tarian Rakyat Malaysia • Gelanggang Lenggang • Selang Gilir • Ilham Santubong	Tradisional & Tarian Rakyat Malaysia • Kasih Suntingan • Masri Medini • Zapin Rajuk Rindu

Daripada 6 kategori penyertaan di atas, PERMATA Seni Tari (PST) telah memenangi tempat pertama (Diploma of Laureate of The First Grades) bagi ketiga-tiga kategori yang disertai iaitu kategori solo, duet dan berkumpulan. Manakala PERMATA Seni Remaja Tari (PSRT) pula telah memenangi hadiah tempat pertama (Diploma of Laureate of the First Grades) untuk ketiga-tiga kategori yang disertai iaitu kategori solo, duet dan berkumpulan. Peserta-peserta yang telah membuktikan kecemerlangan mereka ialah:

Kategori: Children (9-12 Tahun)

- Solo:**
 - Nur Jemima binti Marzuanto
- Duet:**
 - Mohamad Ashraf bin Mohd Nawawi
 - Habibah binti Abu Bakar
- Berkumpulan: PERMATA Seni Tari (PST)**
 - Mohamad Ashraf bin Mohd Nawawi
 - Chernervin Chitbanchong A/L Skein Chitbanchong
 - Muhamad Adam Mikhail bin Adzuar
 - Naufal Amirul bin Afzainizam
 - Raja Muhammad Shariff Ali bin Raja Azahari
 - Habibah binti Abu Bakar
 - Nur Jemima binti Marzuanto
 - Nur Syafiqah Aqeelah binti Safaruan
 - Nur Syafiqah Erdina binti Safaruan
 - Wan Nur Aisyah binti Baizuri

Kategori: Junior 1 (13-15 Tahun)

- Solo:**
 - Chew Jun Jie
- Duet:**
 - Arief Bryan Carlos
 - Nik Nur Amalin binti Nik Masauddin
- Berkumpulan: PERMATA Seni Remaja (PSR) Tari**
 - Chew Jun Jie
 - Arief Bryan Carlos
 - Muhammad Diniy Uzair bin Khalil
 - Muhammad Firdaus bin Nur Afandi
 - Muhammad Zulkarnain bin Amran
 - Aileen Sufiah binti Mahummar Gadaffi Sorilaut
 - Nik Nur Amalin bin Musaaddin
 - Nur Dinah Farzana binti Abdullah
 - Najla Syadiyah binti Hanis Muzaferi
 - Nur Sabrina Elisya binti Sabri

Lebih membanggakan lagi PERMATA Seni Tari juga telah dinobatkan sebagai **JUARA KESELURUHAN** atau 'ABSOLUTE WINNER, WINTER STARS OF DRESDEN 2016' dan Diploma of Grand Prix. Pengiktirafan khas turut diberikan oleh ketua juri kepada delegasi Malaysia dan Lithuania yang telah mementaskan persembahan yang berkualiti tinggi; Malaysia dalam kategori Tari dan Lithuania bagi kategori muzik klasikal dan folk.



YBhg Datuk Norliza Rofli bersama Piala Kemenangan Diploma of Grand Prix dan Absolute Winner Winter Stars of Dresden 2016 yang dianugerahkan kepada Malaysia. Syabas PERMATA Seni Tari!



Majlis Sidang Media Sempena Kejayaan PERMATA Seni Tari di 6th International Arts Festival 2016 Winter Stars of Dresden di Dresden Jerman pada 09 Januari 2016 di MATTC, Jalan Ampang, Kuala Lumpur.



“Kecil Tapak Tangan, Nyiru Kami Tadahkan”

Rahmat Bin Hj Damiri | JKKN Johor

Selamat Datang ke JKKN Johor dan ‘La Bienvenida a JKKN Johor’

kami ucapkan kepada Puan Meritxell Parayre Sabes, Timbalan Duta Kedutaan Sepanyol ke Malaysia yang sudi membuat kunjungan hormat ke JKKN Johor pada 16 Jun 2016.

Kunjungan hormat selama satu jam ini memberi peluang kepada JKKN Johor berkongsi maklumat bersama dengan kedutaan Sepanyol khususnya dalam perkembangan seni dan kebudayaan melalui program-program anjuran JKKN.

Kunjungan hormat oleh Timbalan Duta, Kedutaan Sepanyol ini merupakan siri Jelajah Seni Budaya ke Negeri Johor bersempena dengan Johor Bahru International Festival City yang dilaksanakan di Somerset Medini Iskandar Puteri (Nusajaya). Melalui program ini, Sepanyol telah menghantar wakil cilik iaitu Cik Sara Guerrero, gitaris muda solo yang akan membuat persembahan sempena acara tersebut.

Hasil pertemuan ini, sedikit sebanyak dapat membuka ruang serta peluang kepada JKKN Johor dan Kedutaan Sepanyol untuk berkolaborasi dalam pelbagai program khususnya yang berunsurkan seni dan budaya.





Panggung Seni Tradisional 2016

- Gemersik Alunan Gambus • Opera Boneka Cina
- Koleksi Tari Klasik India • Koleksi Tari Malaysia

Mohamad Safran bin Nawawi | JKKK Ibu Pejabat

Panggung Seni Tradisional 2016 (PST2016) kembali menemui warga kota Kuala Lumpur. Program ini merupakan kesinambungan program Panggung Seni Tradisional 2013, 2014 dan 2015 anjuran Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) melalui Cawangan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D). JKKN telah mengangkat beberapa kesenian tradisional yang mampu diketengahkan di pentas perdana dan beberapa daripadanya merupakan hasil daripada program perantisan yang dijalankan. Diharap juga program seperti ini mampu membantu melestarikan perpaduan kaum di negara ini serta mengangkat Malaysia sebagai salah satu ikon seni budaya di mata dunia.

Pelaksanaan PST2016 mendapat kerjasama Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC) dan dipentaskan



di Dewan Tunku Abdul Rahman pada jam 8.45 malam secara berkala seperti yang dijadualkan. Sebelum ini JKKN telah mengangkat enam genre kesenian pada tahun 2013, lapan genre pada tahun 2014 dan tujuh pada tahun 2015. PST2016 pula menampilkan empat genre kesenian iaitu Gemersik Alunan Gambus (15 & 16 April), Opera Boneka Cina (27 & 28 Mei), Koleksi Tari Klasik India (26 & 27 Ogos) dan Koleksi Tari Malaysia (21 & 22 Oktober).

Membuka tirai PST2016 ialah Gemersik Alunan Gambus yang menampilkan Kumpulan Gambus Nurulhikal, Rengit, Batu Pahat, Johor yang dianggotai seramai 12 orang peserta. Selain daripada 3 persembahan khas para pemenang pertandingan Gambus Solo, Festival Gambus Serantau 2015, persembahan Gemersik Alunan



Gambus turut diserikan dengan penampilan artis undangan seperti Fauziah Gambus dan Fairuz Selamat.



12 buah lagu telah didendangkan antaranya, Salam dan Takzim, Semenjak Aku Terpandang, Zapin Bercerai Kasih, Airmata Hati, Zapin Usik-Mengusik dan Dia Datang. Persembahan yang diadakan 2 malam berturut-turut ini telah dihadiri oleh beberapa tokoh atau ikon muzik negara seperti Datuk Dr. Johari Salleh, Datuk Dr. Mohd Nod Dalimin, Datuk Suhaimi Mohd Zin (Pak Ngah), Encik Mohd Yazid Zakaria dan Encik Ayob Ibrahim.

Seterusnya, PST2016 menampilkan pula Kumpulan Teochew Puppet Opera House, Pulau Pinang bagi membuat persembahan Opera Boneka Cina. Persembahan yang mengambil masa lebih kurang 70 minit ini telah dijayakan oleh seramai 13 orang peserta yang terdiri daripada pemain boneka, penyanyi dan pemuzik. Dua buah cerita yang sangat menarik dalam hikayat lama masyarakat Teochew telah dipertontonkan; Cinta Si Dewi Musang dan Bangsal Kayu Api. Olahan cerita dan pengarah bagi persembahan ini ialah Cik Goh Hooi Ling yang juga merupakan ketua kumpulan. Persembahan Opera Boneka Cina yang dipentaskan ini telah mendapat maklum balas yang baik daripada penonton.

Persembahan PST2016 yang akan datang pula ialah Koleksi Tari Klasik India yang dijadualkan pada 26 & 27 Ogos; bakal menampilkan 4 kumpulan seperti Fakulti Tari, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), Angika Fine Arts,

SWARA Community Cultural Centre dan Netaji Subhash Chandra Bose, India Cultural Centre. Seterusnya, pada 21 & 22 Oktober, persembahan Koleksi Tari Malaysia pula akan dilaksanakan. Dijangka membabitkan beberapa kumpulan; antaranya Kumpulan Kesenian JKKN Ibu Pejabat dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kumpulan Kesenian DBKL, Fakulti Tari, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), Istana Budaya, MAWARKU dan Kumpulan Aadyamatraa, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Untuk menyaksikan persembahan PST2016, para peminat seni budaya tanah air terutamanya warga Kuala Lumpur bolehlah membeli tiket-tiket berharga RM20 (Biasa) dan RM50 (VIP) dengan menghubungi talian 03-2614 8200 samb.8214/8260 atau 03-9235 4800/4900 untuk tempahan. Potongan harga sebanyak 50% bagi tiket RM20 (Biasa) diberikan kepada para pelajar, warga emas dan OKU.





BALIK PULAU, PULAU PINANG, 4 Jun 2016 – Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Pulau Pinang (JKKN) dengan

kerjasama Persatuan Seni Kreatif Budaya Warisan Estetik Pulau Pinang (SEKENET) mengambil inisiatif mengangkat budaya bergotong-royong yang menjadi tradisi turun-temurun bagi mengeratkan lagi hubungan dan perpaduan di kalangan segenap lapisan masyarakat melalui Program Merakyatkan Seni dan Budaya (PMS) Jom Bina Wakaf Sekolah Didikan Agama Islam Kampung Paya Balik Pulau, Pulau Pinang.

Objektif penganjuran program ini adalah untuk memberi peluang kepada pemimpin dan rakyat mengeratkan silaturrahim disamping menzahirkan kemesraan dalam penghayatan nilai-nilai murni

dan sahsiah yang luhur. Selain itu program ini juga bertujuan untuk mewujudkan suasana harmoni dan sejahtera di kalangan masyarakat dalam semangat 1Malaysia bagi melambangkan keutuhan perpaduan rakyat dan pemimpin.

Antara pengisian program ini ialah membina wakaf yang dijadikan stor bagi kegunaan sekolah, membersihkan kawasan masjid serta membersihkan kawasan perkuburan Islam di Kg. Paya.

Program ini turut dihadiri oleh YB Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad, Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Betong dan turut disertai oleh 200 orang penduduk kampung dan agensi-agensi kerajaan yang lain.

Mohd. Rizal Ismail, Pengarah JKKN Pulau Pinang ketika ditemui berkata;

“jabatan ini akan terus mengambil langkah dalam memperkasakan seni budaya serta melaksanakan pelbagai aktiviti yang menjurus ke arah penyatuan bangsa.”

PMS JOM BINA WAKAF SERLAHKAN SEMANGAT GOTONG-ROYONG

oleh : **Normila Mohamad Said** | JKKN Pulau Pinang.

Boneka Rod Besi Tradisional Teochew Menyerlah Di Dalam PMS Semarak Budaya

Normila Mohamad Said
JKKN | Pulau Pinang.

Persembahan tradisional 'Boneka Rod Besi' yang merupakan seni tradisi di kalangan masyarakat Teochew kini melalui zaman suram apabila persembahannya tidak lagi menjadi tarikan kepada generasi muda meskipun masih mempunyai kumpulan pengikut yang tersendiri. Walaubagaimanapun, persembahan tersebut masih boleh disaksikan di Pulau Pinang.

Menyedari akan hakikat ini, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Pulau Pinang (JKKNPP) telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan Program Merakytakan Seni dan Budaya Semarak Budaya: Persembahan Boneka Rod Besi Tradisional Teochew pada 3 Jun 2016 di Teochew Opera and Puppet House.

Seni boneka Teochew yang berasal dari daerah Chaoshan di Guangdong, China, mirip wayang kulit yang memerlukan pemainnya menguasai beberapa suara berbeza bagi memenuhi 'tuntutan' setiap watak

yang dipentaskan. Teochew adalah dialek bahasa Cina yang digunakan oleh penduduk dari kawasan Chaoshan iaitu di timur Wilayah Guangdong, China.

Jika wayang kulit dimainkan di sebalik kelir, boneka Teochew yang diperbuat daripada kayu, tanah liat serta kertas pula dimainkan di bahagian depan hadangan yang diperbuat daripada kain bagi membolehkan pemainnya bergerak bebas tanpa dilihat penonton. Setiap tirai belakang akan ditukar mengikut jalan cerita, sekali gus memberi cabaran kepada pemain untuk pantas bergerak bersilih ganti di ruang pentas yang terhad.

Pengarah Kumpulan Seni Boneka Teochew Kim Giak Low, Ling Goh, berkata usaha JKKNPP amatlah dihargai lantaran persembahan ini sudah semakin dipinggirkan.

Persembahan yang mengambil masa 2 jam ini telah disaksikan seramai 350 orang penonton yang rata-ratanya terdiri daripada masyarakat Tionghua.

SINOPSIS BUKU 100 PESANAN TERAKHIR RASULULLAH

Fauziah Ahmad | JKKN Ibu Pejabat

Kehidupan ini sememangnya memiliki rahsia yang tersembunyi. Adakalanya, apa yang kita harapkan tidak menjadi, sebaliknya apa yang tidak diminta, kita memperolehnya. Usah cepat berputus asa dengan rahmat Ilahi dan terus menghukum bahawa doa kita tidak diperkenankan.

Teruskanlah memohon di samping merenung ke dalam diri apakah yang telah Allah limpahkan kepada kita. Sejujurnya, jika dicatat, sudah tentu tinta seluas air lautan yang digunakan tidak mencukupi. Ini menggambarkan betapa tidak terhitung nikmat-Nya.

Untuk kesejahteraan di dunia dan akhirat, kita perlu sentiasa mengingati pesanan Rasulullah S.A.W agar tidak lalai dengan tipu daya nikmat dunia. Meskipun Rasulullah S.A.W telah meninggalkan kita namun titipannya iaitu Al-Quran dan sunnah tetap dijadikan panduan.

Buku 100 Pesanan Terakhir Rasulullah ini boleh menggetarkan setangkai hati kita andai ada pesanan ini jauh daripada jangkauan apa yang dilaksanakan.

Jadikanlah peringatan ini sebagai kayu ukur amalan kita. Moga ada kebaikan yang dapat dikongsi bersama.

Insya-Allah.

Antara kandungan menarik yang terdapat di dalam buku ini :





Mencari Keamanan

*Sebuah cinta dalam daerah luka
Ini takdir pertemuan dalam ruang perang yang tiada
kesudahannya makhluk hanyir*

*Mencari sisi keamanan yang tidak kunjung tiba
Laungan suara di dewan besar terhenti di muka pintu*

*Ini cinta luar biasa yang gelap
Segelap mencari lorong cahaya yang terbit dari
celahan dinding kotor*

*Dinding yang terpalit percik darah merah makhluk
tak berdosa
Ia Hanyir dan busuk*

*Keletah anak kecil tanpa baju mengais di celahan
batu*

*Mencari sisa-sisa dari runtuhannya konkrit hasil
kerakusan manusia*

*Ranap sebuah kota dihujani peluru tak bermata
Meratap sedih si ibu melihat anak tak berdosa*

*Sampai bila jenayah ini akan berlangsung
Tiada titik yang kelihatan*

*Doa kepada Tuhan Yang Esa demi kewanitaan secepat
Semoga perang dan penindasan ini segera tamat*

*Sharizal Abdan
JKKN Ibu Pejabat*

LAKSA PAHANG

Oleh:
Jumaninor Hanaffi
JKKN Ibu Pejabat



‘Istimewanya juga laksa Pahang ini ialah ia dimakan dengan kuahnya digaul menggunakan tangan. Ulam-ulaman, belacan, sambal dan laksa digaulkan sekali.’

Istimewanya laksa ini ialah laksanya yang dibuat sendiri dengan menggunakan tepung gandum dan setiap gulung mee laksa dipanggil sebagai 1 ‘chak’ (ukuran laksa yang sesuai dimakan). Doh mee laksa yang telah diuli dimasukkan ke dalam kebuk (alat membuat laksa) dan melalui proses mengerek untuk dijadikan mee kemudiannya terus direbus.

Tidak seperti kuah ‘laksa Penang’ yang cair dan dimasukkan bunga kantan, kuah laksa Pahang pekat, lemak dan berwarna kekuningan dan diletakkan sedikit sambal serta ketulan belacan. Walaupun terdapat sedikit persamaan dengan kuah laksa Johor, tetapi kuah laksa Pahang diperbuat daripada ikan selayang atau ikan termenung dan juga sedikit ikan masin.

Istimewanya juga laksa Pahang ini ialah ia dimakan dengan kuahnya digaul menggunakan tangan. Ulam-ulaman, belacan, sambal dan laksa digaulkan sekali. Keunikannya dapat dilihat apabila laksa ini dimakan dengan menggunakan tangan; tiada sudu atau garfu dan pada kebiasaannya laksa Pahang sesuai dimakan 1 atau 2 chak.

Kalau anda ingin mencubanya, ayuh... singgahlah ke Pekan, Pahang.

Jika anda terliur bukan? Terutamanya bagi penggemar-penggemar laksa yang sememangnya mencari dan memburu laksa di seluruh Malaysia. Jika mahu diperkatakan, terdapat pelbagai jenis laksa di seluruh negeri yang berbeza versi mengikut negeri seperti laksa Sarawak, Johor, Penang, Terengganu, laksam bagi negeri Kelantan dan pelbagai lagi yang mempunyai keistimewaannya tersendiri.

Namun fokus pada artikel ini adalah laksa Pahang. Mungkin ada diantara anda yang pernah mendengar atau mengenali laksa Pahang; atau mungkin juga pernah merasai tetapi tidak kenal akan laksa ini. Laksa Pahang terkenal di daerah Pekan, Pahang tempat kelahiran YAB Dato’ Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia.



Hati Anak

Oleh Umi Abdullah, JKKN Kuala Terengganu



Engkau insan kerdil yang besar
Engkau insan lemah yang sangat kuat
Kelembutanmu
Bisa memadam marak amarah pemimpin khalifah
Engkau insan istimewa sempurna ciptaanNya.

Engkau...kugelar mak.

Mak sanggup kau lunyai kan dirimu, hanya untuk membe-
sarkan kami.
Sanggup kau hambakan dirimu, untuk memenuhi kasih
suami.
Sanggup juga redah onak caci pertahankan maruah kami.

Mak...

Senyummu bagai penawar bagi kami
Tawamu mak bagai bahagia menatang penuh di hati kami

Tapi air matamu mak bagai api neraka menjulang marak
menerjah menyalai muka kami
Ya Tuhan ampunkan kami, ampunkan kami mak...

Mak..

Kini engkau terlantar kaku
Bisu tanpa suara, menutup rapat mulut tiada rasa
Menutup rapat mata kering tiada linangan air mata gembira,
sedih mahupun duka
Sakitmu mak dapat aku rasakan

Deritamu mak ingin saja aku gantikan.

Tenanglah mu mak ketika dijemput Ilahi
Damailahmu mak ketika rehat di sana nanti....



Dikir Barat Perdana 2016: *Pertandingan Dikir Barat 'Maghi Kita Tewah Bedikir'*

Oleh: Nazali Wahab | JKKN Kelantan

Dikir Barat kini telah menjadi daya tarikan pelancong dalam dan luar negara serta mampu menjana pendapatan melalui aktiviti kebudayaan. Sedar akan hakikat itu, Pertandingan Dikir Barat Perdana 2016 anjuran Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) telah diadakan. Pertandingan ini bertujuan untuk menyatukan para penggiat seni budaya khususnya para pendikir dalam satu pasukan. Penilaian kumpulan bermula Mac hingga Mei 2016 dan program ini telah berjaya menghimpunkan seramai hampir 400 orang pendikir yang menganggotai 15 kumpulan dikir barat dari seluruh daerah di negeri Kelantan.

Majlis Perasmian Pertandingan Dikir Barat Perdana 2016 ini diadakan di pentas RTC Tunjung, Kota Bharu, Kelantan dan telah dirasmikan oleh YBhg Dato' Makhtar Mustapha, Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan (JPP). Majlis penyampaian hadiah telah berlangsung pada 28 Mei 2016. Kemenangan kumpulan dikir barat Cenderawasih dari daerah Tumpat ini sememangnya sudah menjadi jangkaan awal para penonton

berdasarkan persembahan bertenaga dan kreatif yang ditonjolkan oleh mereka. Kumpulan dikir barat Cenderawasih telah memenangi hadiah wang tunai bernilai RM7000.00 dan membawa pulang trofi kejuaraan serta sijil penghargaan.



Persembahan dari Kumpulan Sri Istana



Acara Pembukaan Persembahan Kumpulan Dikir Barat Sri Istana



Persembahan Tok Jogho-Cenderawasih



Acara Pembuka Persembahan Dikir Barat

Juri pertandingan Dikir Barat Perdana 2016 ini telah diketuai oleh Encik Mohd Sulhie bin Yusuf dari Arjuna Akademik, Kuala Lumpur dan diadili oleh juri profesional iaitu Prof Dr. Haron Bin Daud dari Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Encik Hanafi@ Mohd Ghani Bin Daud@Wan Daud bekas Pensyarah Institut Perguruan Kota Bharu, Encik Othman@Rasyid Bin Junoh dan Md. Gel Bin Mat Dali kedua-duanya penggiat dikir barat yang berpengalaman. Selain daripada acara pertandingan dikir barat, program pada kali ini juga turut diisikan dengan persembahan kesenian Rebana Kercing Kampung Laut dan Rebana Ubi Kampung Tok Oh, Tumpat Kelantan.



Persembahan Kumpulan Dikir Barat Sinar Baru

Keputusan Dikir Barat Perdana 2016 adalah seperti berikut :

Johan

Kumpulan Dikir Barat Cenderawasih (Tumpat)



Kumpulan Pemenang Pertandingan Dikir Barat Perdana (Kump. Cenderawasih)

Naib Johan

Kumpulan Dikir Barat Sound Creative (Pasis Puteh)

Ketiga

Kumpulan Dikir Barat Sinar Baru Chica (Kota Bharu)

Keempat

Kumpulan Dikir Barat Sri Istana (Tumpat)

Jogho Terbaik

Encik Mohd Fakhri Mohd Nasir (Kumpulan Dikir Barat)

Tukang Karut Terbaik

Encik Wan Muhamad Suhaizi Wan Mohamad (Kumpulan Dikir Barat Cenderawasih)



Persembahan Kumpulan Dikir Barat Sinar Baru



Persembahan Kumpulan Dikir Barat Sri Istana

Karya Sastra Melalui Filem Adaptasi

Oleh: Nur Zurfa Binti Mohd Nasir | JKKN Ibu Pejabat

Jika kisah antara dua darjat Romeo dan Juliet menjadi lagenda percintaan di barat; kita juga punyai kisah Uda dan Dara. Andai di barat mengangkat dongeng Cinderella dengan kuasa magisnya; kita pula sering diperdengarkan kisah lagenda Bawang Merah Bawang Putih dengan ikan kalainya. Dan jika barat punyai Kesatria Meja Bulat (Knights of the Roundtable) yang setia kepada Raja Arthur; kita ada Laksamana Hang Tuah yang akur dan taat kepada Sultan Mahmud.

Naskhah adaptasi bukanlah suatu perkara baru malah telah menjadi sebahagian daripada naskhah yang sering diangkat sebagai sebuah persembahan di layar perak mahupun pementasan teater. Ia telah lama bermula dan boleh diterima oleh khalayak bagi membezakan antara gambaran lisan cerita rakyat dengan paparan imej di layar perak.

Di barat, pengadaptasian naskhah-naskhah kesusasteraan Inggeris ke dalam bentuk filem juga bukanlah suatu perkara yang ganjil. Malah senario pengadaptasian ini dikatakan bermula pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. Karya-karya William Shakespeare seperti Hamlet, Macbeth, Romeo and Juliet dan lain-lain sering dijadikan bahan adaptasi filem mahupun teater. Begitu juga dengan karya-karya penulis abad ke-18 England, Jane Austen. Novel-novel beliau seperti Pride and Prejudice, Mansfield Park, Sense and Sensibility, Persuasion dan Emma juga kerap dijadikan sebagai sumber utama filem dan siri televisyen. Naskhah-naskhah tersebut menjadi tontonan umum di layar perak dan mempunyai pengajaran dan pemikiran sebagai sesebuah karya sastra yang berkualiti. Faktor inilah yang telah menjadi daya tarikan kepada pengarah-pengarah filem di Hollywood dalam usaha menengahkan karya-karya tersebut kepada khalayak.

Berbeza pula situasinya dalam industri perfileman negara. Bidang kesusasteraan dan perfileman diibaratkan seperti air dan minyak yang tidak dapat disatukan. Namun, terdapat juga segelintir pengarah filem yang menjadikan naskhah-naskhah sastra sebagai sumber utama dalam karya mereka. Walau bagaimanapun, inisiatif dalam mengangkat karya sastra ini masih lagi dilihat berada di takuk bawah.

Mengapa wujudnya dua senario yang berbeza di antara barat dan Malaysia, sedangkan naskhah-naskhah sastra di Malaysia mahupun di barat mempunyai inti pati pengisian tentang kehidupan masyarakat. Tetapi, kerana adanya rasa 'ketakutan' dalam kalangan penggiat seni yang menganggap karya-karya sastra membawa isu berat yang akhirnya akan menjejaskan jumlah penonton.

Walaupun bagaimanapun, pujian harus diberikan kepada pengarah-pengarah filem tempatan pada masa kini yang berani mengambil karya sastra sebagai bahan utama dalam pembikinan filem mereka. Magika adalah sebuah filem tafsiran kreatif yang diterbitkan oleh KRU Studios dengan mengambil beberapa cerita rakyat serta lagenda tempatan seperti Hikayat Pak Pandir, Sumpahan Orang Minyak, Puteri Gunung Ledang, Bawang Merah Bawang Putih serta Mahsuri untuk diangkat menjadi karya dalam sebuah filem. Filem tersebut merupakan satu usaha kreatif KRU Studios dengan bantuan teknologi moden seperti Computer-generated Imagery (CGI).

Secara dasarnya, terdapat pelbagai karya menarik yang terkandung dalam kesusasteraan dan sejarah Melayu yang boleh diteroka seterusnya difilemkan seperti pembukaan Kerajaan Samudera Pasai, Singapura dilanggar todak, Hang Jebat, rombongan Hang Tuah ke Siam dan Rom, kejatuhan Melaka ke tangan Portugis dan banyak lagi. Namun, kisah-kisah bersifat sejarah ini perlu diberi penelitian dan mempunyai pengkajian yang khusus bagi menghasilkan sebuah filem yang berkualiti dalam pelbagai aspek.

Sebelum proses penerbitan dilaksanakan, karya-karya sastra telah diteliti dan dikaji terlebih dahulu inti patinya. Justeru, karya-karya ini memiliki kekuatannya yang tersendiri baik dari segi plot, pengajaran mahupun pemikiran. Walau bagaimanapun, penafsiran semula terhadap karya-karya sastra yang diketengahkan adalah perlu agar ianya bersesuaian dengan medium perfileman mahupun pementasan teater. Bidang perfileman pula dilihat sebagai salah satu cara untuk menggambarkan karya tersebut dan menjadi satu cabang hiburan (naratif) yang baru. Walaupun sukar, namun hasil yang diperoleh mampu diketengahkan sebagai sebuah karya yang berpotensi tinggi dari segi mutu serta mengandungi nilai seni berkualiti dan boleh dibawa jauh dari batu sempadan negara.



Oh My! English™

Oleh: Nur Zuria Binti Mohd Nasir
JKKN Ibu Pejabat

Saya mahukan seorang pemandu pelancong yang fasih berbahasa Inggeris.

I want a tourist guide who speaks English.

Saya akan tinggal di Leiden selama seminggu.

I will stay in Leiden for a week.

Bolehkah awak mencadangkan hotel dengan harga berpatutan di sekitar kawasan ini?

Can you recommend a hotel with reasonable rate around this area?

Saya mahu melawat muzium di sekitar bandar ini.

I want to visit museum around this city.

Berapakah bayarannya sejam?

What is the charge per hour?

Berapakah bayaran masuknya?

What is the admission fee?

Di manakah pintu masuk?

Where is the entrance?

Bolehkah saya mengambil gambar?

May I take photographs?

Saya mahu pergi ke Taman Tasik selepas ini.

I want to go to the Lake Garden after this.

Di platform berapakah kereta api ke London?

At what platform is the train to London?

Adakah awak tahu di mana saya boleh dapatkan makanan halal?

Do you know where can I get halal food?

Tolong hantarkan saya balik ke hotel.

Please take me back to the hotel.

Sumber: Nurul Huda, 2008. *Sebutkan dalam Bahasa Inggeris – Mudah dan Praktis*. Golden Books Centre Sdn Bhd.: Kuala Lumpur.

Kosa Kata (Kesusasteraan dan Kebudayaan)

Oleh: Zuriah Mohamad | JKKN Ibu Pejabat

Kata	Takrif Kata
Aforisme	Pernyataan yang padat dan ringkas tentang suatu sikap hidup atau suatu kebenaran umum.
Bertawan-tawan	Menangis tersedu-sedu.
Candawara (Game Show)	Rancangan (televisyen, radio dan sebagainya) berbentuk permainan yang dipertandingkan yang memerlukan peserta menjawab, membuat sesuatu dan sebagainya untuk menang.
Caping	Alat perhiasan tubuh kanak-kanak perempuan yang diperbuat daripada emas, perak, tembaga kuning dan merah, kulit kerang, tempurung dan kayu.
Cendera/Jendera (sastera lama)	Tidur yang lena atau nyenyak.
Doksologi	Kata-kata permulaan sesuatu hasil karya klasik/ungkapan kata pujian kepada Tuhan
Dalang	Orang yang bertanggungjawab dalam persembahan wayang kulit sebagai pengarah, pencerita, penyanyi dan penggerak patung wayang kulit.
Destar	Perhiasan kepala; tengkolok, tanjak.
Dokoh	Loket diperbuat daripada emas atau perak yang berupa kepingan lebar dan bertakhtakan permata. (Berbentuk bundar atau bulan sabit)
Endoi	Nyanyian puisi tradisional untuk kanak-kanak yang baru lahir dan dinyanyikan beramai-ramai.
Fansi	Daya persepsi yang melibatkan khayalan tetapi berbeza daripada gaya imaginasi kerana tarafnya dianggap lebih rendah daripada imaginasi.
Farsa	Persembahan komedi kasar yang bertujuan untuk mencetuskan gelak ketawa, yang memaparkan aksi fizikal yang lucu, watak yang diperbesar-besar, plot yang rumit, dipenuhi peristiwa yang tidak munasabah dan kerap kali bersifat sindiran seksual.
Gahara	Keturunan raja-raja yang tulen; ayah dan ibunya berdarah raja ataupun anak raja yang lahir daripada permaisuri.
Gita Puja	Nyanyian memuji pahlawan atau Tuhan.
Jejamang	Sejenis perhiasan yang diperbuat daripada emas atau perak dan dipakai di dahi atau di kepala.
Jerayawara (Roadshow)	Persembahan, pameran, ceramah dan sebagainya yang diadakan oleh seseorang atau sekumpulan orang (penyanyi, ahli politik dsb) yang berkunjung dari satu tempat ke tempat lain dengan tujuan memberikan hiburan, menjelaskan sesuatu isu kepada orang ramai, mempromosikan sesuatu dan sebagainya.
Juak-juak	Hamba raja yang mengiringi raja atau membawa alat kebesaran; biduanda.
Jurangan	Nakhoda kapal.

Kata	Takrif Kata
Kebuk	Alat membuat laksa.
Marcapada (sastera lama)	Dunia sekarang ini.
Nilakandi	1. Permata Nilam 2. Warna biru langit
Nalih	Ukuran banyak beras yang sama dengan 16 gantang.
Nirmala	Bersih, suci, tidak bernoda
Pending	Sejenis perhiasan pada dada atau tali pinggang yang diperbuat daripada emas atau perak dan berkerawang.
Pendongkok	Sejenis gelang perhiasan (seperti bentuk tampuk bunga) yang dipasang di antara hulu keris dan matanya.
Penduk	Penyalut pada sarung keris daripada emas atau perak dan lain-lain.
Puspawarna (sastera lama)	1. Warna bunga 2. Berwarnawarna, berbagai-bagai, bermacam-macam.
Ratna (sastera lama)	1. Intan 2. Gadis yang cantik menawan
Roman	Cerita-cerita panjang yang ditulis dalam bentuk prosa, atau novel. Isinya tentang kejayaan-kejayaan besar, pemandangan-pemandangan indah dan cerita khayal yang penuh angan-angan.
Salang	Hukuman yang dilaksanakan dengan menikam dengan menggunakan keris panjang dari lekuk selangka kiri hingga ke hati.
Sandera (sastera lama)	Orang yang tertawan atau tergadai akibat tanggungan hutang.
Sarwa	Segala, sekali, seluruh.
Satira	Karya (prosa atau puisi) yang mempersendakan atau menyindir orang lain.
Talibun	Sejenis puisi lama yang terdiri lebih daripada empat baris (biasanya terdiri daripada enam belas atau dua puluh baris) yang bersajak pada hujungnya.
Tambo	Riwayat dahulukala, hikayat dan sejarah.
Tambul	
Tekat	Sulaman atau jahitan yang berbunga-bunga pada kebiasaannya sebagai perhiasan pada kain.
Tepas (sastera lama)	Arah, hala, penjuru.
Wara/Wara-wara	Pemberitahuan, pengumuman, pengisytiharan.

Sumber: Kamus Dewan Edisi Keempat

سني غيغ فاتي مذڪرمي ملائسيا

Oleh: Johan Wahyuddin Taib | JKKN Sabah

Pengenalan

Asas seni silat dapat dibahagikan kepada dua iaitu 'bunga' dan 'buah'. Seni bunga ialah gerak tari yang lembut dan gemalai sebagai gerak untuk mengelirukan pihak lawan. Manakala buah pula gerak balas yang keras, padu, dan padat untuk menumpaskan lawan. Pada zaman ini wujud beratus-ratus perguruan silat. Setiap perguruan mempunyai gaya dan caranya yang tersendiri.

Sejarah

- Pertubuhan Seni Gayung Fatani Malaysia didaftarkan pada 1976. Dipimpin oleh Allahyarham Tuan Haji Anwar bin Abdul Wahab Aman.
- Gayung Fatani mula bertapak di Sabah pada tahun 1990 yang dibawa oleh murid Allahyarham Tuan Haji Anwar bin Abd Wahab iaitu Tuan Haji Ismail Ashraff Khan. Sehingga kini ahli PSGFM Sabah telah menjangkau ratusan orang dan telah mengharumkan nama Negeri Sabah di persada Kejuaan Silat di Malaysia. Sama melangkah dan sama berlari, maka pihak PSGFM Sabah juga tidak ketinggalan dalam pembangunan Silat di Malaysia dan seluruh dunia.
- PSGFM Sabah terus berkembang di Sekolah sekolah, kolej kolej dan kelab-kelab pembangunan belia.

Pencapaian

- Gayung Fatani pernah mewakili daerah Kota Kinabalu dan Penampang
- Mengikuti SUKMA pada tahun 1991 yang diiringi oleh Tuan Haji Ismail Ashraf Khan
- Pada tahun 2012, 2 pesilat telah dipilih mewakili team Sabah untuk ke SUKMA di Pahang iaitu Mohd Nur Waie dan Lokman

• Pada tahun 2104, Gayung Fatani telah menghantar Mohd Fazli ke SUKMA

• Pada tahun 2014 Jurulatih atau Cikgu Gilbert telah mengiringi 2 pasukan dalam pertandingan berpasukan (5 lawan 5) anjuran KBS di Putrajaya dan berjaya membawa balik pingat emas dan perak.

• Awal tahun ini, 3 orang wakil Sabah ke untuk pertandingan tertutup Kebangsaan Gayung Fatani dan hanya mampu meraih 1 pingat gangsa.

• Pada tahun 2016, Gayung Fatani telah menghantar Tracy ke SUKMA di Sarawak.



Objektif

- Melaksanakan pendidikan Silat dengan menerapkan serta mengembangkan sikap disiplin, jati diri, patriotik dan sifat-sifat mulia.
- Membunuh itu haram, mempertahankan diri itu wajib. Begitulah falsafah yang mudah sebagai teras kepada pendidikan silat dalam PSGFM

Tempat Latihan

Tempat : Ruang Legar Kompleks Sukan Likas
masa 9-11 pagi

Gelanggang Cawangan

SMK. Sanzac, Sembulan | Sabtu 3.00 - 5.00 petang

Kolej Yayasan Sabah, Sembulan | Sabtu 3.00 - 5.00 petang

Kolej PTPTL

(Mengikut kesesuaian jadual kelas pelajaran di kolej)

Gelanggang KRT Taman Khidmat | Rabu 8.30 - 10.30 malam

SMK Tamparuli | Sabtu 9.00 - 11.00 pagi

SMK Tun Fuad Stephen | Ahad 2.30 - 4.30 petang

Sekolah Islamiah, Tawau | Sabtu 9.00 - 11.00 pagi

Jika berminat boleh hubungi Cikgu Gilbert :

011-19087979 | Bert Wil



Tokoh Awang Batil

NOVRIADI BIN JAMALUS

JKKN PERLIS

Romli Bin Mahamud, nama yang tidak asing lagi di seluruh Malaysia, merupakan satu-satunya tokoh di Malaysia yang memartabatkan kesenian Awang Batil di negeri Perlis. Beliau lebih mesra dengan panggilan 'Bang Li' dilahirkan pada 6 Julai 1955 di Kampung Pokok Sena, Chuping dan merupakan anak bongsu daripada 5 orang adik-beradik kepada pasangan Allahyarham Mahamud Bin Wahid dan Allahyarhamah Jahara Binti Mat Saman. Beliau mendirikan rumah tangga dengan Puan Narishah Binti Abdul Rahman dan dikurniakan 4 orang cahaya mata iaitu Abdul Rani, Nor Murni, Ahmad Jalani dan Zulhusni.

Menjadikan Allahyarham Tan Sri Dr. P. Ramlee sebagai idola dan tokoh sanjungannya, Romli selalu bermain alat muzik kegemarannya iaitu biola (hasil tangan sendiri) ketika waktu lapang setelah selesai melaksanakan kerja-kerja di sawah. Beliau turut berkemahiran dalam membuat alat muzik sendiri seperti serunai, gendang dan topeng peran dengan menggunakan hasil kreativiti yang terpancar dalam jiwa seni beliau.

Pepatah 'Mana tidak tumpahnya kalau tidak ke nasi' merupakan pepatah yang amat bersesuaian dalam memberi gambaran terhadap kesenian yang diwarisi

公
演

日本の講談師・神田京子をゲストに迎え、日本語のお話とともに楽しんでいただきます。
ボイスパフォーマー・徳久ウィリアムとギタリスト・助川太郎が口琴、ホーメイで
マレーシアと日本の芸能をつなぎ、本公演をより味わい深いものに！

料 金： 予約 3,000 円 (当日 3,500 円)

出 演： ロムリー・ビン・マハムード (ペルリス州の語り部アワン・パテル)

チェ・マツ・ジュソー (クランタン州の弾き語りトッ・セランビツ)

神田京子 (講談師)

徳久ウィリアム (ボイス、口琴)

助川太郎 (口琴、ギター)



写真：鈴木博隆

能【語り部】



oleh Romli daripada arwah bapanya yang satu ketika dahulu turut menjadi tokoh seni terkemuka di negeri Perlis. Demi memartabatkan seni budaya tradisional tempatan, beliau terus berjuang mempertahankan kesenian tradisional tersebut yang sehingga kini telah mempunyai pengalaman menjangkau lebih 50 tahun.

Menjadikan Allahyarham Tan Sri Dr. P. Ramlee sebagai idola dan tokoh sanjungannya, Romli selalu bermain alat muzik kegemarannya iaitu biola (hasil tangan sendiri) ketika waktu lapang setelah selesai melaksanakan kerja-kerja di sawah.

Romli berkecimpung dalam arena seni tradisional tempatan sejak berusia 7 tahun iaitu bermula pada tahun 1962 dengan bermain gendang terinai dan sering mengikut arwah bapanya membuat persembahan di merata tempat. Kemudian pada tahun 1963, di awal usia 8 tahun, beliau telah mengikut bapanya membuat persembahan 'Penglipurlara Selampit' bertajuk Seri Lindungan Bulan dan Kedah Tua di Nesam, Kangar anjuran Dewan Bahasa Pustaka. Pada tahun 1966, Radio Malaysia Pulau Pinang telah mengundang beliau dan bapanya untuk membuat persembahan Awang Batil dan Gendang Terinai.

Bermula tahun 1979, beliau mula membuat persembahan Awang Batil secara solo di Tasik Melati, Kangar. Selepas itu, bakatnya mula menjadi bualan dan persembahannya pernah dipertontonkan di Sogo, Kuala Lumpur pada tahun 1993, seterusnya di Hadyai, Thailand pada tahun 1994 dan Hotel Park Royal Bukit Bintang, Kuala Lumpur selama sebulan pada tahun 1995. Selain itu, beliau juga pernah diterbangkan ke Switzerland untuk membuat persembahan muzik asli pada tahun 1996 dan

membuat persembahan di Singapura selama 2 minggu pada tahun 2001. Pada tahun 2012, beliau telah membuat persembahan di Satun, Thailand serta turut terlibat dalam persembahan kesenian tradisional Awang Batil dalam program Pesta Negeri Perlis di Menara Kuala Lumpur pada Jun 2012. Sehingga kini, beliau banyak menerima undangan persembahan serata tempat dalam mahupun luar negara.

Berkat kesungguhan dan minat yang ditunjukkan oleh beliau selama lebih 50 tahun, beliau telah menerima Pingat Jasa Kebaktian (PJK) sempena Ulangtahun Keputeraan Ke-63 DYMM Tuanku Raja Perlis pada 17 Mei 2006. Kemudian penat lelahnya yang tidak pernah mengenal erti putus asa dalam memartabatkan tradisi budaya bangsa, maka pada tahun 2012, Romli Bin Mahamud telah dinobatkan sebagai Tokoh Seni Perlis 2012 yang dinaungi oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Perlis.



KEROPOK LOSONG TERENGGANU

Oleh: *Norzila Mamat Ghani* | JKKN *terengganu*


Keropok lekor merupakan makanan tradisional yang sangat popular di Negeri Terengganu terutamanya keropok lekor di Kampung Losong yang dikenali sebagai syurga keropok yang dipenuhi dengan jualan keropok losong di sepanjang jalan. Kampung Losong atau nama asalnya Kampung Losong Haji Su telah diambil sempena nama seorang qariah di kampung ini. Kampung Losong terletak kira-kira 10 minit dari Bandar Kuala Terengganu, berdekatan dengan Bandar Kuala Terengganu, Taman Tamadun Islam (TTI) dan Muzium Negeri Terengganu. Terdapat lebih daripada 50 buah gerai yang menjual keropok lekor di Kampung Losong ini. Pengusaha-pengusaha keropok lekor di kawasan ini menghasilkan keropok lekor yang bersaiz kecil iaitu hanya lima hingga enam inci sahaja dengan rasa yang sangat enak serta digemari ramai. Rentetan sambutan yang tidak dijangka itu, maka terciptalah nama "Keropok Losong".

Keropok losong atau lebih dikenali 'kepok gote' di kalangan penduduk tempatan, diperbuat daripada campuran ikan dan sagu yang

diadun menjadi satu adunan lembut kemudian digentel menjadi panjang seperti sosej. Ia boleh dimakan sama ada digoreng atau di rebus, dan lebih enak lagi apabila dicicah dengan air lada (sos cili) yang pedas. Selain itu terdapat juga keropok keping, keropok berlada, bersira dan sebagainya lagi. Apa yang membezakan keropok Losong dengan keropok di tempat lain ialah keropoknya lebih halus dan lebih lembut. Malah kerana popularitinya, Kampung Losong diiktiraf sebagai pusat perniagaan keropok lekor di Terengganu oleh kerajaan negeri.



Keropok lekor yang digoreng



Keropok lekor yang direbus



Pengusaha sedang menggentel keropok lekor



SERMAINI BINTI PIEN

Oleh: Mohd Zin Mohd Sahid | JKKN Ibu Pejabat

Sermaini binti Pien adalah satu nama yang tidak asing di kalangan Pegawai Kebudayaan pada dekad 1980an hingga 2000an dan telah berkhidmat selama 35 tahun sebagai Pegawai Kebudayaan. Beliau adalah antara 'serikandi' yang mempunyai semangat waja serta mempunyai kredibiliti yang tersendiri sebagai Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Selangor dan JKKN Melaka sebelum bersara wajib dalam usia 56 tahun pada 2008.

Puan Sermaini telah dilahirkan pada 5 Januari 1952 di Kuang, Selangor. Memulakan zaman persekolahannya di Sekolah Kebangsaan Kuang, Selangor dan Sekolah Menengah Perempuan Jalan Pasar Kuala Lumpur hingga tingkatan 3 pada tahun 1967 dan kemudian melanjutkan pengajiannya di Sekolah Menengah Aminuddin Baki Kuala Lumpur hingga tingkatan 6 pada tahun 1969.

Mula memasuki perkhidmatan awam ketika berusia 21 tahun apabila dilantik sebagai Pegawai Kebudayaan Belia dan Sukan di Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan pada 8 Mei 1973. Beliau mempunyai pengalaman yang sangat mendalam mengenai hal-hal kebudayaan serta beliau ketika menjawat jawatan sebagai Pegawai Kebudayaan Belia dan Sukan Daerah Batu Pahat, Daerah Pontian di Johor, Daerah Hulu Selangor serta Daerah Petaling di Selangor.



Pada 1 Oktober 1992 di bawah Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan Malaysia, Puan Sermaini akhirnya telah memilih untuk membuat 'option' daripada Pegawai Kebudayaan Belia dan Sukan. Ketika perkhidmatan beliau di kementerian ini, beliau telah ditempatkan di Kompleks Budaya Negara (KBN) yang kemudiannya dikenali sebagai Istana Budaya hingga tahun 1999. Beliau turut mempunyai pengalaman dalam mengurus dan mengetuai kumpulan kesenian seperti koir dan Orkestra Simfoni Kebangsaan ke luar negara. Beliau juga adalah pengasas kepada Kumpulan Kesenian Negeri Selangor (KKNS) pada tahun 2000 ketika memjawat jawatan Pengarah JKKN Selangor. Pada tahun 2005, beliau telah mencipta rekod Book of Malaysia apabila berjaya

menghimpunkan 1,000 orang pemain congkak untuk bermain congkak secara serentak di Shah Alam Selangor.

Setelah bersara wajib pada tahun 2008, Puan Sermaini telah dilantik oleh kerajaan Negeri Melaka sebagai Pengurus Briged Seni Melaka hingga tahun 2012. Sehingga kini beliau masih aktif melaksanakan kerja sosial apabila menyertai persatuan-persatuan wanita di peringkat komuniti setempat di kawasan perumahannya di Seri Keramat, Kuala Lumpur.

Kepada Puan Sermaini Pien, atau lebih mesra dengan panggilan 'Kak Maimi' didoakan semoga dikurniakan kesejahteraan, kebahagiaan dan kerahmatan hingga ke Jannah.

Pengenalan Tarian Inang

Oleh:
Jumaninor Hanaffi | JKKN Ibu Pejabat

LATAR BELAKANG: Inang memberi pengertian sebagai “Pengasuh”. Tarian Inang memberi gambaran bagaimana lembut dan sopan santunnya seorang wanita pengasuh. Penari lelaki merupakan pasangan untuk menggambarkan keserasian dalam kehidupan keluarga atau masyarakat.

CARA PERSEMBAHAN: Tarian Inang ditarikan secara berpasangan oleh penari lelaki dan wanita. Pergerakan tariannya banyak bertumpu kepada bahagian tangan yang diangkat selaras bahu, baik lelaki mahupun wanita.


BUSANA DAN TATARIAS: Penari wanita membawa selendang sebagai props/pakaian tambahan dan berbaju kebaya dengan cucuk sanggul sementara lelaki memakai sepasang baju Melayu lengkap bersongkok dan bersampin.

MUZIK: Tempo pergerakan tarian inang yang sederhana ialah 2/4 diselangi dengan paluan gong. Bunyi-bunyian yang digunakan adalah rebana, biola dan gendang. Inang juga boleh ditarikan dengan pantas iaitu 4/4 berdasarkan Irama Masri. Lenggok ‘Tari Inang’ yang biasa ditarikan ialah Inang Selendang, Ayam Didik, Tari Payung, Tari Sapu Tangan, Tari Lilin dan lain-lain bergantung kepada peralatan yang diragakan dalam tarian tersebut.




Pergerakan Posisi Kaki: Lelaki & Wanita (*Langkah menapak*) **Pergerakan Posisi Tangan:** Lelaki (*Lenggang Serang/Tepis*) Perempuan: Lenggang Lambong angin **Ragam:** Pusing Jaga dan Pusing Ma


GERAK PUSING 4 PENJURU (Lelaki : Pusing Jaga)




Posisi tangan kanan diletakkan seinci dari paras dada manakala tangan kiri diangkat paras bahu. Pergerakan pusingan dibuat mengikut susunan jam dimulakan dengan langkah kaki kanan atas bunyi gong, diikuti dengan langkah kaki kiri. Pusing melalui bahu kanan menghadap empat penjuru dalam kiraan 1 X 8.



GERAK PUSING 4 PENJURU (Wanita : Pusing Malu)




Tangan kanan diletakkan seinci dari paras dada manakala tangan kiri di sisi kiri paras dada. Pergerakan pusingan dibuat mengikut susunan jam dimulakan dengan langkah kaki kanan atas bunyi gong, diikuti dengan langkah kaki kiri. Pusing melalui bahu kanan menghadap empat penjuru dalam kiraan 1 X 8




MEMBUAT HURUF ‘C’ (Lelaki: Sudi tumpang lalu)


Langkah kaki kanan diikuti kaki kiri sambil membuat lingkaran ‘C’ dalam kiraan 1x4. Lenggang tangan kanan dan kiri dalam posisi gerak serang tepis. Kuak kedua tangan dan gerakan posisi kedua-dua tangan tusuk bumi dalam kiraan yang ke 4.



Badan dibongkokkan sedikit. Tangan kanan letak di belakang badan manakala tangan kiri lurus 45° posisi tumpang lalu. Langkah undur dimulakan dengan kaki kanan dalam lingkaran ‘C’ balik tempat asal.



LANGKAH SILANG 4 PENJURU



Kedudukan badan dalam posisi yang rendah. Posisi pergerakan tangan lenggang lambong angin. Posisi pergerakan kaki kanan silang di hadapan kaki kiri.


Pergerakan pusingan dibuat mengikut susunan jam dimulakan dengan langkah kaki kanan atas bunyi gong, diikuti dengan langkah kaki kiri. Pusing melalui bahu kanan menghadap empat penjuru dalam kiraan 1 X 8.

MEMBUAT HURUF 'C' (Wanita : Sudi tumpang


lalu) Langkah kaki kanan diikuti kaki kiri sambil membuat lingkaran 'C' dalam kiraan 1x4. Lenggang tangan kanan dan kiri dalam posisi gerak lambong angin. Kuak kedua tangan dan gerakan posisi kedua-dua tangan tusuk bumi dalam kiraan yang ke 4.




Badan dibongkokkan sedikit. Tangan kiri cubit peha kiri manakala tangan kanan lurus 45° posisi tumpang lalu. Langkah undur dimulakan dengan kaki kanan dalam lingkaran 'C' balik tempat asal.



LANGKAH SILANG 4 PENJURU



Kedudukan badan dalam posisi yang rendah. Posisi pergerakan tangan lenggang serang tepis. Posisi pergerakan kaki kanan silang di hadapan kaki kiri. Pergerakan pusingan dibuat mengikut susunan jam dimulakan dengan langkah kaki kanan atas bunyi gong, diikuti dengan langkah kaki kiri. Pusing melalui bahu kanan menghadap empat penjuru dalam kiraan 1 X 8.



MEMBUAT HURUF 'L' DAN 'C'

(Maju dan undur ke kanan.)



Kedudukan badan dalam posisi yang rendah. Posisi pergerakan tangan lenggang serang tepis. Posisi pergerakan kaki menapak dimulakan dengan langkah kaki kanan atas bunyi gong, diikuti dengan langkah kaki

kiri maju dalam kiraan 1 X 4.




Kedudukan badan dalam posisi yang rendah. Posisi pergerakan tangan lenggang serang tepis. Posisi pergerakan kaki menapak dimulakan dengan langkah kaki kanan atas bunyi gong, diikuti dengan langkah kaki kiri undur dalam kiraan 1 X 4.



Membuat huruf 'C' balik ke tempat asal.

Posisi pergerakan tangan lenggang serang tepis. Posisi pergerakan kaki langkah menapak dimulakan dengan kaki kanan atas bunyi gong diikuti kaki kiri sambil membuat lingkaran 'C' dalam kiraan 1x8.

Sudut | Info




MEMBUAT HURUF 'L' DAN 'C'


(Maju dan undur ke kanan)



Kedudukan badan dalam posisi yang rendah. Posisi pergerakan tangan lenggang lambong angin. Posisi pergerakan kaki menapak dimulakan dengan langkah kaki kanan atas bunyi gong, diikuti dengan langkah kaki kiri maju dalam kiraan 1 X 4.




Kedudukan badan dalam posisi yang rendah. Posisi pergerakan tangan lenggang lambong angin. Posisi pergerakan kaki menapak dimulakan dengan langkah kaki kanan atas bunyi gong, diikuti dengan langkah kaki kiri undur dalam kiraan 1 X 4.



Membuat huruf 'C' balik ke tempat asal.

Posisi pergerakan tangan lenggang lambong angin. Posisi pergerakan kaki langkah menapak dimulakan dengan kaki kanan atas bunyi gong diikuti kaki kiri sambil membuat lingkaran 'C' dalam kiraan 1x8.



Oleh: Zuriah Mohamad
| JKKN Ibu Pejabat

Kekeliruan Penggunaan Kata Pemer

Penggunaan kata pemer ‘ialah’ dan ‘adalah’ dapat dibezakan seperti berikut.

Ialah	Adalah
Maksud: Kata pemer ‘ialah’ digunakan di hadapan frasa nama untuk menghuraikan subjek ayat .	Maksud: Kata pemer ‘adalah’ digunakan secara huraian dan hadir di hadapan kata adjektif, frasa sendi nama. Kata ‘adalah’ tidak boleh diikuti oleh kata kerja seperti <i>berasaskan, merupakan</i> dan sebagainya.
Contoh: Anak ialah anugerah Allah. Masalah yang kita hadapi ialah kekurangan sumber kewangan.	Contoh: - Tawaran biasiswa tersebut adalah khusus untuk pelajar Bumiputera sahaja. - Kenyataan yang diberikannya adalah tidak benar.

Sumber: Koleksi Panduan Bahasa Ke Arah Bahasa Melayu yang Berkesan. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur

Perbezaan Kata Kerja ‘di’ dan Kata Sendi Nama ‘di’

Di (Kata Kerja)	Di (Kata Sendi Nama)
Maksud: Imbuhan awalan yang digabungkan dengan kata dasar untuk membentuk kata kerja pasif. - Ditulis rapat dengan kata dasar	Maksud: - Kata yang digunakan untuk menyambung frasa nama dengan kata atau frasa-frasa dan ayat. - Ditulis terpisah dengan frasa nama - Digunakan untuk menunjukkan tempat
Contoh: - Kertas itu dibakar oleh ibu. - Penjenayah itu dihukum penjara seumur hidup.	Contoh: - Ali gemar bersenam di tepi tasik itu. - Sekarang ini Suraya sedang menetap di Ipoh.

Sumber: Koleksi Panduan Bahasa Ke Arah Bahasa Melayu yang Berkesan. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur

Sistem Tanda Baca

Tanda Baca	Simbol	Digunakan	Contoh Ayat
Titik	(.)	i. Pada akhir ayat yang bukan pertanyaan atau seruan.	- Ayah pergi ke kedai. - Saya suka makan aiskrim vanilla.
		ii. Pada akhir singkatan nama atau gelaran orang.	- Y.A.B (Yang Amat Berhormat) - Hj. (Haji)
Koma	(,)	i. Mengasingkan sesuatu yang sama jenis dalam ayat.	Ibu membeli ikan, udang, sotong dan sayur-sayuran di pasar.
		ii. Sebelum tanda seru.	- Amboi, lawanya kereta baru kamu! - Eh, terkejut saya!
		iii. Untuk memisahkan unsur-unsur yang berbeza dalam ayat.	Kereta itu cantik, tetapi terlalu besar untuk saya.
		iv. Sebelum tanda pembuka kata (“) dan penutup kata (”) dalam cakap ajuk.	Melati berkata, “saya terima.”
Tanda Tanya	(?)	i. Pada akhir ayat tanya	Bilakah Alia akan pergi ke Johor?
		ii. Pada akhir ayat tanya sebelum tanda penutup kata (”).	“Apa yang kamu lakukan?” tanya Farid.

Tanda Seru	(!)	i.	Pada akhir ayat seruan, perintah atau rasa emosi yang kuat.	☐	Cis, berani sungguh kau ke mari!
		iii.	Menunjukkan emosi pengguna.	☐	Aku tak suka kau!
Tanda Baca	Simbol	Digunakan		Contoh Ayat	
Noktah Bertindih	(:)	i.	Pada akhir sesuatu pernyataan apabila diikuti oleh rangkaian.	• Peralatan yang perlu disediakan adalah seperti berikut: mancis, lampu suluh, pisau dan tali.	
		ii.	Memberi penjelasan atau memperkenalkan sesuatu.	• Tarikh: 7 Disember 2006 Masa: 10.00 pagi	
Koma Bertitik	(;)	i.	Memisahkan bahagian-bahagian ayat yang bergabung dalam ayat majmuk.	• Giginya sakit; dia tidak mahu ke klinik.	
Tanda Petik Berganda	("...")	i.	Untuk mengapit petikan langsung. (perbualan dan komunikasi)	• "Saya sudah mandi, ibu," kata Maria.	
		ii.	Pada judul rencana, karangan, novel, puisi dan lain-lain.	• Sajak "H ati Seorang Ibu" itu ditulis oleh Mak Cik Ida kepada anaknya.	
Tanda Petik Tunggal	('...')	i.	Mengapit terjemahan atau penjelasan kata atau ungkapan dalam bahasa asing.		
Tanda Kurung	[(...)]	i.	Untuk memberikan penjelasan tambahan.	• Kakak baru sahaja tamat menduduki peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM).	

Sumber: Ruziah Abd. Rani, 2015. *Canggihnya Bahasa Melayu – Sistem Tanda Baca*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Huruf Besar

Penggunaan	Contoh ayat
Huruf pertama kata pada setiap ayat.	• Adik tidak sihat hari ini. • Air minum itu sudah dicemari.
Huruf pertama petikan langsung.	• "Sudah beberapa kali saya muntah hari ini," beritahu Muthu.
Huruf pertama gelaran kehormat, keturunan, dan keagamaan yang diikuti nama orang.	• Aku memohon Engkau berikanlah petunjuk kepadaku. • Yang Maha Penyayang
Diawal kata nama khas.	• Perak • Bank Islam • Zulaikha Sulaiman • Istana Budaya
Huruf pertama nama bangsa, suku bangsa, dan bahasa.	• orang Melanau • suku kaum Kadazan-Dusun • rumpun Melayu
Huruf pertama bagi nama rasmi badan, lembaga pemerintah, serta nama dokumen rasmi kecuali kata hubung.	• Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara • Dewan Bahasa dan Pustaka
Digunakan sebagai huruf pertama untuk nama jawatan dan pangkat yang diikuti nama orang.	• Profesor Emeritus Hashim bin Musa. • Laksamana Abdul Rahman

Kata majmuk ialah kata yang terdiri daripada dua kata atau lebih dan menimbulkan makna tertentu.

Berikut adalah tiga kategori kata majmuk berserta contohnya:



Masalah sering dihadapi oleh pengguna bahasa ialah pengejaan kata majmuk, sama ada dirapatkan atau dipisahkan. Secara ringkasnya, kesemua kata majmuk dieja terpisah. Tetapi terdapat kekecualian yang berjumlah 15 patah perkataan sahaja iaitu:

- beritahu
- bumiputera
- jawatankuasa
- kakitangan
- kerjasama
- olahraga
- matahari
- setiausaha
- sukarela
- suruhanjaya
- tandatangan
- tanggungjawab
- warganegara
- pesuruhjaya

Sumber: Awang Sariyan, 2007. *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kesilapan Mengeja Kata dengan 'k' dan 'kk'

Mungkin ada di antara anda yang pernah terkeliru dengan sistem ejaan kata dengan 'k' dan 'kk'. Kekeliruan ini terjadi kerana pengguna bahasa tidak dapat membezakan antara imbuhan **-kan** dan **meN -kan** dengan imbuhan **-an**, **peN -an** dan **ke-...-an** akibat pengaruh sebutan.

Penting untuk diingati bahawa imbuhan **-kan** dan **-an** **tidak berubah** apabila diimbuhkan pada kata dasar yang berakhir dengan konsonan 'k'.

- a. Contoh-contoh kesilapan mengeja kata dengan dua k/(kk) pada kata yang sepatutnya dieja dengan satu k/(k)

SALAH	BETUL
kebanyakkan	kebanyakan
keburukkan	keburukan
kecantikkan	kecantikan
kedudukan	kedudukan
kemasukkan	kemasukan
kenaikkan	kenaikan
kependekkan	kependekan
kependudukan	kependudukan
kerancakkan	kerancakan
keretakan	keretakan
kerosakkan	kerosakan
peletakkan	peletakan
pergerakan	pergerakan
percetakan	percetakan
pergolakan	pergolakan
pertunjukkan	pertunjukan
peruntukkan	peruntukan

- b. Contoh kesilapan mengeja kata dengan satu k/(k) pada kata yang sepatutnya dengan dua k/(kk)

SALAH	BETUL
meletakan	meletakkan
memasukan	memasukkan
membalikan	membalikkan
membanyakan	membanyakkan
membelokan	membelokkan
membotakan	membotakkan
memperuntukan	memperuntukkan
menaikan	menaikkan
menampakan	menampakkan
mencampakan	mencampakkan
mencantikan	mencantikkan
menggalakan	menggalakkan
menggerakan	menggerakkan
mengoyakan	mengoyakkan
menunjukan	menunjukkan
menyesakan	menyesakkan
meretakan	meretakkan
merosakan	merosakkan
memburukan	memburukkan
memendekan	memendekkan

PUISI; **SELAMAT BERSARA, CIKGU!**

ASSALAMUALAIKUM...SELAMAT PAGI CIKGU!

DI SAAT MENATAP WAJAHMU DI SEKOLAH

TERCONTENG BEBAN DAN MASALAH

KAU LUKIS, MENCANTING MUDAH

SEJAK IKRAR PERTAMAMU MEMEGANG AMANAH

KAU ANGKAT, HADAM BERHEMAH

BERDEKAD LAMANYA TIDAK REBAH.

TELAH KAU WARNAI PELBAGAI KISAH

TELAH KAU TELUSURI PENAT DAN LELAH

TELAH KAU RENTASI SEMPADAN KARENAH

DARI PELAJAR HINGGA HAL ANAK BUAH

TERJUNJUNG ELOK TERJALIN INDAH

MEMIMPIN DENGAN BISMILLAH

DEMI MENGANGKAT NAMA SEKOLAH.

DI HARI TERAKHIRMU CIKGU ...

MASIH TERUKIR JELAS KELUH KESAH

BAGAI MIMPI BELUM SUDAH

SEPERTI INGATAN TAK GOYAH

MOGA ANAK BUAH BERAKHIR RESAH.

CIKGU ...

DIRIMU TETAP MELANGKAH GAGAH

SENYUM PUN MASIH TERSIMPUL DI WAJAH

BERSEMANGAT BERSARA PENUH MEGAH

INILAH HARI TERAKHIRMU DI SEKOLAH

KAU TINGGALKAN DENGAN DOA MOGA

SEMUANYA DIBERKATI ALLAH.

PASTINYA PELAJAR SEKOLAH...

TERDIAM MERINDUI BICARA PETAH

BEGINI DAN BEGITULAH

SEPERTI BIASA BERUNTUNGLAH

TETAP DIRIMU DIPANGGIL CIKGU BIARPUN
BERSARA DAN TIDAK LAGI KE SEKOLAH.

TERIMA KASIH, CIKGU!

KAMI UCAPKAN 'SELAMAT BERSARA'

DENGAN HIMPUNAN DOA

'SEMOGA DIRIMU SENTIASA MENDAPAT
KEREDHAAN ALLAH'

Oleh:

Azaha Bin Hj. Othman
JKKN Terengganu

Sejarah asal usul nasi dagang Terengganu dipercayai kerana kewujudan orang Bugis yang datang berdagang di Terengganu di mana mereka secara tidak sengaja menyediakan juadah nasi dagang tersebut untuk dipersembahkan kepada baginda Sultan Terengganu yang memerintah Terengganu pada masa itu dan memeriahkan jamuan rakyat selepas solat sunat Aidilfitri.

N A S I Dagang Terengganu

Oleh: **Norzila Mamat Ghani**
JKKN Ibu Pejabat

Nasi Dagang merupakan hidangan istimewa yang terkenal di Terengganu. Nasi Dagang pada asalnya bukan dibuat oleh orang tempatan negeri Terengganu tetapi ianya dibuat oleh orang Bugis. Sejarah asal usul nasi dagang Terengganu dipercayai kerana kewujudan orang Bugis yang datang berdagang di Terengganu di mana mereka secara tidak sengaja menyediakan juadah nasi dagang tersebut untuk dipersembahkan kepada baginda Sultan Terengganu yang memerintah Terengganu pada masa itu dan memeriahkan jamuan rakyat selepas solat sunat Aidilfitri. Kini, hidangan nasi dagang Terengganu berbeza dengan nasi dagang di negeri lain kerana cara penyediaan dan bahan asasnya. Kebiasaannya nasi dagang Terengganu diperbuat daripada campuran beras, beras pulut dan dimasak dengan santan. Nasi dagang Terengganu dihidangkan dengan kuah yang dimasak dengan menggunakan



Nasi Dagang Terengganu bersama gulai ikan tongkol dan acar

rempah khas (berlainan dengan rempah kari biasa). Ikan yang digunakan pula biasanya adalah ikan Aya Hitam (ikan tongkol) yang bersaiz besar. Gulai ikan tongkol yang disediakan merupakan bahan utama dalam penyediaan gulai ini. Gulai ini dimasak mengikut cara masakan gulai orang Melayu dan cara penyediannya, santan dimasak bersama dengan campuran herba

dan rempah Melayu seperti serai, lengkuas, cili giling dan kunyit. Selain itu, acar timun juga akan disediakan untuk menyedapkan lagi hidangan nasi dagang Terengganu. Hidangan nasi dagang Terengganu merupakan salah satu 'ikon' makanan tradisional Terengganu yang menjadi pilihan utama masyarakat setempat bahkan pelancong dari luar juga turut menggemarnya.

SENARAI BAHAN TERBITAN (JUALAN) JABATAN KEBUDAYAAN & KESENIAN NEGARA

KATEGORI : BUKU

BIL	TAJUK	KUANTITI	SEUNIT (RM)	DISKAUN (%)	JUMLAH (RM)
1.	1000 Pantun Dondang Sayang		20.00		
2.	Adat Istiadat Perkahwinan Tradisional Melayu Terengganu		14.00		
3.	Adat Resam Masyarakat Malaysia		18.00		
4.	Alam Terbenang Menjadi Guru		20.00		
5.	Alat-alat Muzik Dan Muzik Instrumental Kadazan Dusun Tambunan		8.50		
6.	Alat Muzik Sompoton Negeri Sabah		8.50		
7.	Alat Muzik Tradisional Dalam Masyarakat Melayu di Malaysia		23.00		
8.	Anak Raja Gondang dan Lain-Lain Cerita Makyung		15.00		
9.	Aspek Lakonan Dalam Teater Bangsawan (Kulit Tebal)		43.00		
10.	Aspek Lakonan Dalam Teater Bangsawan (Kulit Nipis)		35.00		
11.	Acting Aspect in Bangsawan Theatre		35.00		
12.	Bahasa Dijajaran Masa		15.00		
13.	Bahasa Melayu Titihi Ilmu (Jilid II)		20.00		
14.	Biografi Tokoh Budaya Negeri Perlis		25.00		
15.	Biografi Primadona Bangsawan : Aminah Nani		12.00		
16.	Bobolan : Seni Teater Etnik Dusun		34.00		
17.	Budaya & Masyarakat Berbilang Kaum di Malaysia (Jilid 1)		20.00		
18.	Budaya & Masyarakat Berbilang Kaum di Malaysia (Mandarin)		20.00		
19.	Gagasan 1 Malaysia Melalui Landasan Seni dan Budaya		25.00		
20.	Gamibus : Sejarah, Instrumentasi & Gaya Permainan Di Johor		25.00		
21.	Globalisasi & Cabaran Budaya Di Malaysia		20.00		
22.	Hari-Hari Perayaan Masyarakat Malaysia		18.00		
23.	Hari-Hari Perayaan Masyarakat Malaysia (Bahasa Mandarin)		35.00		
24.	Istiadat Makk Suai		8.50		
25.	Joged Gamelan Terengganu & Pahang		78.00		
26.	Joged Lambak		10.00		
27.	Kanjat		25.00		
28.	Kebudayaan Malaysia (Kulit Tebal)		20.00		
29.	Kebudayaan Malaysia (Kulit Nipis)		17.00		
30.	Kisah Ombak Tiga Bersaudara		23.00		
31.	Koleksi Lagu-lagu Koir Kebangsaan (Bersama CD)		33.00		
32.	Koleksi Pengenalan Tarian & Muzik Tradisional Negeri Pahang		10.00		
33.	Koleksi Puisi Tradisional Berbalas Pantun Merakam Zaman		35.00		
34.	Koleksi Pantun Majlis Rasmi		10.00		
35.	Koleksi Skrip Siri Semarak Bangsawan		20.00		
36.	Linkan Link		30.00		
37.	Lundayeh Dictionary		45.00		
38.	Malaysian Customs & Traditions		28.00		
39.	Malaysian Festivals		25.00		
40.	Malaysian Culture (Kulit Tebal)		20.00		
41.	Malaysian Culture (Kulit Nipis)		17.00		
42.	Malaysian Weddings		28.00		
43.	Modul Inspitari Siri 1 : Pilihan Tarian-Tarian Inspitari 2013 (Bersama DVD)		45.00		
44.	Modul Pengajaran & Pembelajaran Mek Yung		23.00		
45.	Monograf Seni Budaya Bil. 1		30.00		
46.	Monograf Seni Budaya Bil. 2		24.00		
47.	Negeri Kebayan dan Lain-Lain Cerita		15.00		
48.	Nyanyian Rakyat Khazanah Bangsa Yang Hilang		12.00		
49.	Pantun Warisan Rakyat		15.00		
50.	Pemikiran Kesusasteraan : Wajah dan Wadah Kebudayaan Kebangsaan		16.50		
51.	Penyair Laut J. M. Aziz (Kulit Nipis)		30.00		
52.	Perkahwinan Masyarakat Di Malaysia		30.00		
53.	Plural Culture & Society In Malaysia		20.00		
54.	Resepi Nasi 100		30.00		
55.	Sastera Kebangsaan, Pendidikan Sastera dan Pembinaan Negara (Jilid III)		20.00		
56.	Sejarah dan Perkembangan Tarian Tarinai Perlis		8.50		
57.	Seni Berbari		34.00		
58.	Seri Terengganu		25.00		
59.	Seri Koleksi Siri Mengenai Budaya 1/2003 (Dabus, Hamdolok, Mek Mulung, Dikir Barat, Boria, Jikey dan Wayang Kulit)		48.00		
60.	A Collection Of Cultural Appreciation Series 1/2003 (Dabus, Hamdolok, Mek Mulung, Dikir Barat, Boria, Jikey dan Wayang Kulit)		48.00		
61.	Siri Penyelidikan Seni dan Budaya Selangor Darul Ehsan : Dabus		10.00		
62.	Siri Penyelidikan Seni dan Budaya Selangor Darul Ehsan : Kompang Jawa		15.00		
63.	Siri Tokoh Anugerah Seni Negara (Haji Abdul Rahman Abu Bakar, Datuk Dr. Ahmad Nawab bin Nawab Khan dan YB. Senator Tan Sri Datuk Jins Shamsudin)		42.00		
64.	Syair Asyiqin		12.00		
65.	Syed Alwi Saniman Negara (Kulit Tebal)		52.00		
66.	Syed Alwi Saniman Negara (Kulit Nipis)		30.00		
67.	Syed Alwi Artist Extraordinaire		30.00		
68.	Tamadun Rumpun Budaya Melayu		20.00		
69.	The Malays Language : Bridge To Knowledge (Volume II)		20.00		
70.	The Traditional Musical Instruments Of The Malays In Malaysia		27.00		
71.	Tradisi Lisan Bercorak Cerita		30.00		
72.	Wayang Gedek Kesenian Warisan Melayu		15.00		
	JUMLAH KESELURUHAN				



KATEGORI : CD/VCD/DVD

BIL	TAJUK	BAHAN	KUANTITI	SEUNIT (RM)	DISKAUN (%)	JUMLAH (RM)
1.	Bangsawan 5 Bersaudara	DVD		20.00		
2.	Bangsawan Celorong Cheloreng	DVD		10.00		
3.	Festival Tari Kebangsaan 2009	DVD		20.00		
4.	Gerak 2011	DVD		10.00		
5.	Inspitari 2010	DVD		20.00		
6.	Inspitari 2011 : Inspirasi Tari Malaysia (Bersama Buku)	DVD		30.00		
7.	Inspitari 2012	DVD		20.00		
8.	Inspitari 2013	DVD		26.00		
9.	Inspitari 2014	DVD		20.00		
10.	Koleksi Tarian Negeri-Negeri Di Malaysia	DVD		20.00		
11.	Karaoke Lagu Rakyat Malaysia	DVD & CD		20.00		
12.	Konsert Koir Kebangsaan – Kembara Muzikal Teater & Film	DVD		20.00		
13.	Konsert Koir Kebangsaan Malaysia	DVD		10.00		
14.	Konsert Koir Kebangsaan – No Wrong Notes	DVD		10.00		
15.	Pembelajaran Tarian-Tarian Malaysia	DVD		15.00		
16.	Senam 1 Malaysia (Baru)	DVD		10.00		
17.	Senam Seni (Lama)	DVD		10.00		
18.	Dodol Si Manja	VCD		10.00		
19.	Festival Kesenian ASEAN	VCD		10.00		
20.	Festival Kesenian Kanak-Kanak 2003	VCD		10.00		
21.	Festival Kesenian Kanak-Kanak 2004	VCD		10.00		
22.	Kesenian Tradisional Negeri Melaka	VCD		10.00		
23.	Majlis Kenduri Adat Melenggang Perut	VCD		10.00		
24.	Perkahwinan Adat Rembau	VCD		10.00		
25.	Persembahan Wayang Gedek Seri Asun	VCD		10.00		
26.	Selampit Raja Besar Ho Gading	VCD		10.00		
27.	Semangat Merdeka	VCD		10.00		
28.	Siri Dokumentari Kesenian Tradisional Malaysia : Jikey	VCD		10.00		
29.	Siri Dokumentari Kesenian Tradisional Malaysia : Hamdolak	VCD		10.00		
30.	Siri Dokumentari Kesenian Tradisional Malaysia : Mek Mulung	VCD		10.00		
31.	Tarian Tradisional Terengganu	VCD		10.00		
32.	Tanas Budaya	VCD		10.00		
33.	Upacara Pesak Indang : Majlis Kenduri Adat Kaum Tidong	VCD		10.00		
34.	A Malaysian Journey : Dennis Lau	VCD		10.00		
35.	Bintang Asli Remaja 2006	CD		20.00		
36.	Dendangan Indera Kayangan	CD		15.00		
37.	Dendang Rakyat Terengganu	CD		10.00		
38.	Folk Tunes of Malaysia	CD		10.00		
39.	Gema Warisan – Gamelan Melayu	CD		15.00		
40.	Gubahan Lagu Rakyat (Versi Baru)	CD		11.00		
41.	Irama Asli (Minus One)	CD		20.00		
42.	Irama Malaysia (Minus One)	CD		20.00		
43.	Instrumental Keroncong	CD		10.00		
44.	Konsert Koir Kebangsaan – 'Voices Of Harmony'	CD		20.00		
45.	Lagu-Lagu Melayu Sarawak : Tergeleng-geleng	CD		10.00		
46.	Lagu-Lagu Rakyat Negeri Pahang : Roslan Madun	CD		10.00		
47.	Lagu-Lagu Rakyat Malaysia : Zainal Abidin	CD		10.00		
48.	Lagu-lagu Kumpulan Tumbuk Kalang	CD		10.00		
50.	Muzik & Lagu Tradisional Perak	CD		10.00		
51.	Pertandingan Akhir Bintang Asli Remaja Kebangsaan 2007	CD		10.00		
52.	Puisi Tradisional	CD		13.00		
53.	Tingkah! – Muzik Paluan & Pergendangan	CD		15.00		
JUMLAH KESELURUHAN				-	-	

Sebarang pertanyaan sila hubungi :

Cawangan Dokumentasi & Penerbitan,

- 1) En. Muhamad Haqkam Hariri : 03-2614 8304
- 2) En. Muhammad Faizal Ruslee : 03-2614 8201
- 3) En. Ismarizal Zulamran : 03-2614 8215
- 4) Pn. Bafti Hera Abu Bakar : 03-2614 8395
- 5) En. Muhammad Ridhwan Azme : 03-2614 8214



JKKN
JABATAN KEBUDAYAAN
& KESENIAN NEGARA
جهاز الثقافة والفنون
Som Kunjungi
& buat rujukan



PUSAT SUMBER SENI BUDAYA JKKN

**PENYELIDIK SENI BUDAYA,
PELAJAR IPTA/IPTS,
PELAJAR SEKOLAH MENENGAH & RENDAH,
ORANG PERSEORANGAN**
dialu-alukan

Sumber Rujukan Utama : Seni & Budaya

PUSAT SUMBER SENI BUDAYA
ARAS 30, MENARA TH PERDANA,
LOT 1001, JALAN SULTAN ISMAIL,
50250 KUALA LUMPUR

ISNIN - KHAMIS

8.00 PG - 4.00 PTG

JUMAAT

8.00 PG - 12.15T/HARI

2.45 PTG - 4.00 PTG

☎ 03-2614 8245 / 8259

✉ 03-2697 1066

📧 library.jkkn@gmail.com



Direktori JKKN Negeri

▼ JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA PERLIS

KOMPLEKS JKKN PERLIS
PERSIARAN WAWASAN KANGAR
01000 KANGAR PERLIS INDERA KAYANGAN
TEL: 04 - 979 3604 (*204) FAKS : 04 - 977 0117

▼ JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA KEDAH

KOMPLEKS JKKN KEDAH
LOT PTD 400
05250 ALOR SETAR KEDAH DARUL AMAN
TEL: 04 - 731 5930 (*205) FAKS : 04 - 733 8128

▼ JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA PULAU PINANG

KOMPLEKS PUSTAKA WARISAN SENI
LOT NO. 2180 LINTAN PRAMLEE
OFF JALAN P. RAMLEE 10460 PULAU PINANG
TEL: 04 - 281 7791/7792 (*206) FAKS : 04 - 281 7781

▼ JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA PERAK

KOMPLEKS JKKN PERAK
LOT 20561@ 20565
JALAN CARLWELL, OFF JALAN RAJA DI HILIR
30350 IPOH PERAK DARUL RIDZUAN
TEL : 05 - 253 7001 (*207) FAKS : 05 - 241 7017

▼ JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA SELANGOR

LOT 22.2 TINGKAT 22, WISMA MBSA
PERSIARAN PERBANDARAN
40000 SHAH ALAM SELANGOR DARUL EHSAN
TEL : 03 - 5510 2664 / 2791 (*208) FAKS : 03 - 5510 2839

▼ JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA WILAYAH PERSEKUTUAN

KOMPLEKS JKKN WPKL
JALAN TUN H.S LEE 50000 KUALA LUMPUR
TEL: 03 - 2072 6431/ 6779 (*218) FAKS : 03 - 2070 4064

▼ JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA NEGERI SEMBILAN

KOMPLEKS JKKN NEGERI SEMBILAN
JALAN SUNGAI UJONG
70200 SEREMBAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
TEL : 06 - 767 6793 / 763 6308 / 7635 193 (*209) FAKS : 06 - 763 4417

▼ JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA MELAKA

KOMPLEKS JKKN MELAKA
LEBUH AYER KEROH 75450 MELAKA
TEL: 06 - 233 1790/ 233 1787 (*211) FAKS : 06 - 233 1784

▼ JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA JOHOR

ARAS 6 KIRI, WISMA PERKESO
NO 26, JLN SUSUR 5
OFF JALAN TUN ABDUL RAZAK, LARKIN
80200 JOHOR BAHRU JOHOR DARUL TAKZIM
TEL : 07 - 224 8270/ 223 1249 (*212) FAKS : 07 - 223 9413

▼ JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA PAHANG

KOMPLEKS JKKN PAHANG
LOT 57100, JALAN TOK SISEK
25000 KUANTAN PAHANG DARUL MAKMUR
TEL : 09 - 517 8466 (*210) FAKS : 09 - 517 9466

▼ JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA TERENGGANU

KOMPLEKS JKKN TERENGGANU, KUALA IBAI
20400 KUALA TERENGGANU TERENGGANU DARUL IMAN
TEL: 09 - 617 8831 (*214) FAKS : 09 - 617 8832

▼ JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA KELANTAN

KOMPLEKS JKKN KELANTAN
LOT 1993, SEKSYEN 49, TANJONG CHAT
15200 KOTA BHARU KELANTAN DARUL NAIM
TEL : 09 - 741 7000 (*215) FAKS : 09 - 741 7004

▼ JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA SARAWAK

TINGKAT 5 BANGUNAN SULTAN ISKANDAR
JALAN SIMPANG TIGA
93000 KUCHING SARAWAK
TEL : 082 - 422 006/ 423 106 (*216) FAKS : 082 - 244 394

▼ JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA SABAH

KOMPLEKS JKKN SABAH
KM 4 JALAN PENAMPANG
88200 KOTA KINABALU SABAH
TEL : 088 - 237052 / 051 (*217) FAKS : 088 - 242 052



www.jkkn.gov.my
[#mysenibudaya](https://www.instagram.com/mysenibudaya)

“SEMARAKKAN SENI BUDAYA MALAYSIA”

Cawangan Dokumentasi & Penerbitan

Tingkat 30, Menara TH Perdana, Lot 1001 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur.

Tel : 03 2614 8200 Faks : 03 2697 1066/1067